



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN
PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

PAHANG
TAHUN 2019

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN
PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

PAHANG
TAHUN 2019

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	vii
RINGKASAN EKSEKUTIF	xi
BAHAGIAN I	
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG	
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019	
Pendahuluan	1 – 3
Objektif dan Metodologi Pengauditan	1 – 4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019	1 – 5
BAHAGIAN II	
ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	2 – 3
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	2 – 3
Penyata Prestasi Kewangan	2 – 3
Kumpulan Wang Disatukan	2 – 5
Wang Awam	2 – 6
Akaun Hasil Disatukan	2 – 7
Akaun Pinjaman Disatukan	2 – 15
Akaun Amanah Disatukan	2 – 15
Penyata Akaun Memorandum	2 – 25
Nota Kepada Penyata Kewangan	2 – 30
Rumusan Audit	2 – 32
Syor Audit	2 – 33
BAHAGIAN III	
PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3 – 3
Pengauditan Penyata Kewangan	3 – 3
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	3 – 4
Pemakaian Piawaian Perakaunan	3 – 5
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	3 – 6
Pembentangan Penyata Kewangan	3 – 8
Analisis Prestasi Kewangan	3 – 9
Rumusan Audit	3 – 10
Syor Audit	3 – 10

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Pengenalan	4 – 3
Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang	4 – 7
1. Hasil Duti Hiburan	
Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong	4 - 17
2. Hasil Duti Hiburan	
Majlis Perbandaran Kuantan	4 - 27
3. Terimaan Hasil Secara Elektronik	

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agensi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	5 – 3
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	5 – 3

PENUTUP	6 – 3
----------------	-------

LAMPIRAN

Lampiran I	- Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang	7 – 3
Lampiran II	- Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Akauntan Negeri Pahang	7 – 6
Lampiran III	- Penyata Kedudukan Kewangan	7 – 7
Lampiran IV	- Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	7 – 8
Lampiran V	- Penyata Prestasi Kewangan	7 – 9
Lampiran VI	- Penyata Akaun Memorandum	7 – 10
Lampiran VII	- Nota Kepada Penyata Kewangan	7 – 11

AKRONIM	8 – 3
----------------	-------



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Pahang, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Pahang.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Pahang Tahun 2019 Serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:
 - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
 - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
 - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri;
 - iv. Pengauditan Pematuhan; dan
 - v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2019. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*.

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan. Pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemberosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

8 Oktober 2020



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA
KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

- Apa yang diaudit**
- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.
 - Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang tahun 2019 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.
 - Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.
 - Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
 - Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

- Mengapa ia penting untuk diaudit**
- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
 - Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Pahang secara menyeluruh pada akhir tahun 2019, di samping membantu Kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
 - Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
 - Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit? **BAHAGIAN I:**
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

BAHAGIAN II:
Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 adalah RM331.69 juta, meningkat sebanyak RM209.97 juta berbanding RM121.72 juta tahun 2018.
- Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan sejumlah RM191.36 juta berbanding RM13.94 juta pada tahun 2018. Kutipan

hasil meningkat sebanyak RM199.76 juta atau 30.9% menjadi RM847.28 juta berbanding RM647.52 juta pada tahun 2018.

- Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada keseluruhannya meningkat sebanyak RM22.34 juta atau 3.5% pada tahun 2019, iaitu daripada RM633.58 juta pada tahun 2018 kepada RM655.92 juta.
- Pelaburan saham di Penyata Kedudukan Kewangan meningkat sebanyak RM100 juta atau 89.2% menjadi RM212.12 juta pada tahun 2019 berbanding RM112.12 juta pada tahun 2018.
- Pelaburan saham di Penyata Akaun Memorandum tidak berubah pada tahun 2018 dan 2019 iaitu berjumlah RM848.80 juta.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM10.90 juta atau 5.6% daripada RM193.49 juta pada tahun 2018 kepada RM204.39 juta pada tahun 2019.
- Jumlah Hutang Awam meningkat sebanyak RM14.12 juta atau 0.5% menjadi RM3.066 bilion pada tahun 2019 berbanding RM3.052 bilion pada tahun 2018. Tunggakan Hutang Awam oleh Kerajaan negeri pada tahun 2019 ialah RM1.388 bilion.
- Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2019 telah meningkat sebanyak RM9.18 juta atau 18% menjadi RM60.15 juta berbanding RM50.97 juta pada tahun 2018.
- Prestasi pelaksanaan projek RMKe-11 tahun 2019 adalah memuaskan kerana sebanyak 88 projek atau 53.7% telah berjaya disiapkan daripada 164 projek yang dirancang. Selain itu, sebanyak 9 projek atau 5.5% sedang dilaksanakan dan 67 projek atau 40.8% ditangguhkan/belum mula.

BAHAGIAN III:

Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan kesan daripada pandemik COVID-19, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah menetapkan tarikh akhir bagi mengemukakan penyata kewangan bagi kesemua 20 agensi negeri adalah pada 30 Jun 2020 berbanding 30 April 2020 sebelum ini.

- Setakat 15 Ogos 2020, kesemua sembilan (9) BBN dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 untuk diaudit. Daripada 20 agensi negeri tersebut, 19 agensi negeri mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang manakala satu (1) agensi negeri iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2020.
- Setakat 15 Ogos 2020, sebanyak dua (2) daripada 20 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun kewangan 2019 telah diaudit dan diberi Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut adalah bagi Majlis Sukan Pahang dan Majlis Daerah Cameron Highlands. Baki 18 penyata kewangan lagi masih dalam peringkat pengauditan.
- Sehubungan itu, analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam Laporan kali ini memandangkan analisis bagi dua (2) agensi sahaja tidak dapat memberi gambaran sebenar berkaitan kedudukan kewangan agensi negeri secara keseluruhannya.

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksana terhadap sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan/agensi negeri.
- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksanakan terhadap terimaan hasil yang melibatkan tiga (3) jabatan/agensi negeri seperti berikut:
 - Hasil Duti Hiburan di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang;
 - Hasil Duti Hiburan di Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong; dan
 - Terimaan Hasil Secara Elektronik di Majlis Perbandaran Kuantan.

Mengapa ia penting untuk diaudit? Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksana untuk menentukan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

Apa yang ditemui dalam Audit?

• Hasil Duti Hiburan di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang (PKPN Pahang)

- syarikat yang mengendalikan taman tema air tidak menjelaskan tunggakan hasil duti tiket taman hiburan berjumlah RM0.65 juta bagi tempoh bulan Julai 2015 hingga Mac 2018. Selain itu, tunggakan duti hiburan bagi tempoh bulan April 2018 hingga November 2019 juga tidak dikutip dan jumlah tersebut tidak dapat ditentukan kerana penyata jualan tiket tidak dikemukakan kepada PKPN Pahang;
- hasil duti hiburan bagi taman safari tidak dikutip dan jumlahnya tidak dapat ditentukan kerana syarikat tidak mengemukakan kepada PKPN Pahang penyata jualan tiket sejak beroperasi pada bulan Mac 2013;
- pengusaha pusat hiburan tidak menjelaskan duti hiburan kepada PKPN Pahang bagi lain-lain hiburan seperti snuker, boling dan karaoke yang dianggarkan berjumlah RM80,940; dan
- pengusaha yang diluluskan permit hiburan tidak menjelaskan duti hiburan kepada PKPN Pahang yang dianggarkan berjumlah RM19,600.

• Hasil Duti Hiburan di Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong (PDT Bentong)

- tiada bayaran dibuat oleh penganjur bagi kesemua 15 permit dan satu (1) lesen hiburan yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Bentong (MPB). Hal ini kerana tiada penyelarasan maklumat antara MPB yang mengeluarkan permit/lesen dan PDT Bentong yang bertanggungjawab mengutip hasil;
- bayaran duti tiket pawagam dan pertunjukan pentas berjumlah RM1 juta lewat dibayar antara 31 hingga 471 hari dari tarikh tayangan dan pertunjukan diadakan; dan
- duti hiburan terkurang bayar sejumlah RM368,607 kerana duti yang dibayar tidak mengikut kadar yang diluluskan.

- **Terimaan Hasil Secara Elektronik di Majlis Perbandaran Kuantan (MPK)**

- caj perkhidmatan bank terlebih bayar sejumlah RM23,395.



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

FAKTA UTAMA		
1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019	31 Julai 2020 Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	6 Mac 2020 Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
Tahun kewangan Kerajaan negeri		
Komponen Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran	

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 kepada Jabatan Audit Negara pada **6 Mac 2020**. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai pada tahun 2019 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Selain itu, ia mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2019. Penerimaan terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding dengan perbelanjaan mengurus, pembangunan dan bekalan air serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman Dalam Negeri, Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan negeri. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti Kerajaan negeri pula terdiri daripada Hutang Awam.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan dan maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2019. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui surat pemerhatian Audit kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri serta jabatan-jabatan negeri yang berkenaan sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) bersama YB Pegawai Kewangan Negeri telah diadakan pada **24 Julai 2020**.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000*. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia. **Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang disertakan bersama-sama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Akauntan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↑ AKAUN HASIL DISATUKAN	↑ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2019 – RM847.28 Juta	2019 – (RM23.07 Juta)	2019 – RM204.39 Juta
2018 – RM647.52 Juta	2018 – (RM214.43 Juta)	2018 – RM193.49 Juta
↑ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	PELABURAN
2019 – RM700.64 Juta	2019 – RM0	2019 – RM848.80 Juta
2018 – RM681.46 Juta	2018 – RM0	2018 – RM848.80 Juta
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↑ HUTANG AWAM
	2019 – RM354.76 Juta	2019 – RM3.066 Bilion
	2018 – RM336.15 Juta	2018 – RM3.052 Bilion

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan negeri menunjukkan Wang Awam yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Pada tahun 2019, sumber dana Kerajaan negeri berjumlah RM847.28 juta terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana

adalah bagi membiayai Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan dan Perbelanjaan Bekalan Air berjumlah RM700.64 juta. Pada tahun 2019, Kerajaan negeri memperoleh lebihan dana berjumlah RM146.64 juta berbanding kurangan dana berjumlah RM33.94 juta pada tahun 2018.

3.2. Analisis Audit mendapati hasil Kerajaan negeri menunjukkan peningkatan sebanyak RM199.76 juta atau 30.9% menjadi RM847.28 juta berbanding RM647.52 juta pada tahun 2018. Perbelanjaan Kerajaan negeri juga menunjukkan peningkatan sebanyak RM19.18 juta atau 2.8% menjadi RM700.64 juta berbanding RM681.46 juta pada tahun 2018. Perbelanjaan Mengurus menunjukkan peningkatan sebanyak RM18.8 juta atau 3.1% menjadi RM634.91 juta berbanding RM616.11 juta pada tahun 2018. Perbelanjaan Pembangunan juga meningkat sebanyak RM9.18 juta atau 18% menjadi RM60.16 juta berbanding RM50.98 juta pada tahun 2018. Perbelanjaan Bekalan Air pula menurun sebanyak RM8.80 juta atau 61.2% menjadi RM5.57 juta berbanding RM14.37 juta pada tahun 2018. Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYATA PRESTASI KEWANGAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	847.28	647.52	199.76	30.9
Tolak: Perbelanjaan Mengurus	634.91	616.11	18.80	3.1
Perbelanjaan Pembangunan	60.16	50.98	9.18	18.0
Perbelanjaan Bekalan Air	5.57	14.37	(8.80)	(61.2)
LEBIHAN/KURANGAN	146.64	(33.94)	180.58	532.1
Dibiayai Oleh:				
Pinjaman Dalam Negeri	57.27	71.92	(14.65)	(20.4)
Pelbagai Terimaan	27.34	27.12	0.22	0.8
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	(231.25)	(65.10)	(166.15)	(255.2)
JUMLAH PEMBIAYAAN	(146.64)	33.94	(180.58)	(532.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

3.3. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan negeri bagi tahun 2019 adalah stabil kerana memperoleh lebihan berjumlah RM146.64 juta, iaitu meningkat sebanyak RM180.58 juta atau 532.1% berbanding defisit sejumlah RM33.94 juta pada tahun 2018.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga (3) akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 berjumlah RM331.69 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada Wang Tunai berjumlah RM119.57 juta dan Pelaburan berjumlah RM212.12 juta.

4.2. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 meningkat sebanyak RM209.97 juta atau 172.5% menjadi RM331.69 juta berbanding RM121.72 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan oleh Akaun Hasil Disatukan meningkat sebanyak RM191.36 juta menyebabkan penurunan defisit sebanyak 89.2% berbanding tahun 2018. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.


JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(23.07)	(214.43)	191.36	89.2
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan	354.76	336.15	18.61	5.5
JUMLAH		331.69	121.72	209.97	172.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

4.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2015 hingga 2019

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan termasuk simpanan tetap di institusi kewangan bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang diterima tetapi belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada akhir tahun kewangan. Wang Tunai Dalam Tangan pula merupakan Panjar Wang Runcit yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Baki wang tunai Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM109.97 juta, atau 1,145.5% pada akhir tahun 2019 menjadi RM119.57 juta berbanding RM9.60 juta pada akhir tahun 2018 seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BAKI WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	118.08	8.70	109.38	1,257.2
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	1.38	0.80	0.58	72.5
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.11	0.10	0.01	10.0
JUMLAH		119.57	9.60	109.97	1,145.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan Kerajaan negeri adalah Pelaburan Am daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan. Pelaburan Am terdiri daripada pegangan saham dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Saham Tak Tersiar Harga dan Deposit Dalam Negeri.

5.2.2. Pada akhir tahun 2019, baki pelaburan meningkat sebanyak RM100 juta, atau 89.2% menjadi RM212.12 juta berbanding RM112.12 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan oleh pelaburan dalam Deposit Dalam Negeri yang masing-masing sebanyak RM50 juta di dua (2) institusi kewangan iaitu Affin Hwang Asset Management Berhad (AHAMB) dan BIMB Investment Management Berhad

(BIMB). Baki pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
BAKI PELABURAN KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	SYARIKAT	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
SAHAM			
1.	Tenaga Nasional Berhad	0.79	0.79
2.	Telekom Malaysia Berhad	3.05	3.05
3.	Malaysia Airport Berhad	2.50	2.50
4.	Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (M) Berhad	15.21	15.21
5.	Amanah Saham Pahang Berhad	44.10	44.10
6.	Global Maritime Ventures Berhad	3.00	3.00
7.	Alam Flora Sdn. Bhd.	2.00	2.00
8.	YTL Corporation Berhad	39.59	39.59
9.	Malaysian Bulk Carriers Berhad	1.72	1.72
10.	Axiata Group Berhad	0.16	0.16
JUMLAH		112.12	112.12
DEPOSIT DALAM NEGERI			
1.	Affin Hwang Asset Management Berhad	50.00	0.00
2.	BIMB Investment Management Berhad	50.00	0.00
JUMLAH		100.00	0.00
JUMLAH KESELURUHAN		212.12	112.12

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

5.2.3. Pada tahun 2019, dividen yang diterima daripada pelaburan Kerajaan negeri adalah berjumlah RM8.12 juta, menurun sebanyak RM472,606 atau 5.5% berbanding RM8.59 juta pada tahun 2018. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh Kerajaan negeri tidak menerima dividen daripada Alam Flora Sdn. Bhd. pada tahun 2019. Selain itu, dividen yang diterima daripada Telekom Malaysia Berhad berkurangan pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri bagi satu (1) tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri mengakhiri tahun kewangan 2019 dengan baki kurangan terkumpul Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM23.07 juta. Lebihan hasil tahun semasa

menunjukkan peningkatan sebanyak RM177.42 juta atau 1,272.7% menjadi RM191.36 juta pada tahun 2019 berbanding RM13.94 juta pada tahun 2018. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKN PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

PERKARA	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(214.43)	(228.37)	13.94	6.1
Hasil	847.28	647.52	199.76	30.9
Tolak: Perbelanjaan Mengurus*	655.92	633.58	22.34	3.5
Lebihan	191.36	13.94	177.42	1,272.7
BAKI PADA 31 DISEMBER	(23.07)	(214.43)	191.36	89.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

6.3. Hasil

6.3.1. Akaun Hasil Disatukan terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2019, kutipan hasil sebenar Kerajaan negeri berjumlah RM847.28 juta atau 120.4% daripada anggaran hasil yang diluluskan berjumlah RM703.80 juta seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6
ANGGARAN HASIL BERBANDING KUTIPAN HASIL SEBENAR TAHUN 2019**

BIL.	KATEGORI HASIL	ANGGARAN HASIL (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Hasil Cukai	324.97	249.01	76.6
2.	Hasil Bukan Cukai	256.55	231.32	90.2
3.	Terimaan Bukan Hasil	122.28	366.95	300.1
JUMLAH		703.80	847.28	120.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019


6.3.2. Hasil pada tahun 2019 meningkat sebanyak RM199.76 juta atau 30.9% menjadi RM847.28 juta berbanding RM647.52 juta pada tahun 2018. Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai masing-masing meningkat sebanyak RM35.68 juta dan RM10.37 juta menjadi RM249.01 juta dan RM231.32 juta pada tahun 2019. Terimaan Bukan Hasil pula mencatatkan peningkatan ketara sebanyak RM153.71 juta, atau 72.1% menjadi RM366.95 juta pada tahun 2019 berbanding RM213.24 juta pada tahun 2018. Kutipan hasil Kerajaan negeri pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 7** dan **Carta 2**.

JADUAL 7
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	KATEGORI HASIL	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil Cukai	249.01	213.33	35.68	16.7	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan kutipan Cukai Tanah sejumlah RM14.26 juta. Peningkatan Cukai Tak Langsung iaitu Cukai Tiket Taman Hiburan sejumlah RM6.45 juta. Peningkatan Royalti Perlombongan sejumlah RM7.89 juta dan Royalti Kayu Kayan sejumlah RM5.06 juta.
2.	Hasil Bukan Cukai	231.32	220.95	10.37	4.7	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan Premium Tanah Biasa – Borang 5A sejumlah RM23.10 juta. Peningkatan Permit Pengalihan Pasir sejumlah RM4.68 juta. Jualan air ke Selangor meningkat sebanyak RM3.94 juta kerana fasiliti Loji Rawatan Air Langat 2 yang siap dibina pada tahun 2019 menerima penyaluran air mentah dari Pahang.
3.	Terimaan Bukan Hasil	366.95	213.24	153.71	72.1	<ul style="list-style-type: none"> Penerimaan Pemberian Khas YAB Perdana Menteri berjumlah RM200 juta bagi membantu kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Pemberian Pelancongan oleh Kerajaan Persekutuan sejumlah RM7.86 juta. Terimaan Bayaran Balik Pokok Pinjaman meningkat sebanyak RM6.23 juta. Lebihan penutupan Akaun Amanah SUKMA sejumlah RM4.06 juta.
JUMLAH		847.28	647.52	199.76	30.9	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

CARTA 2
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

6.3.3. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri ialah Hasil Tanah, Geran Persekutuan, Hasil-hasil Lain, Hasil Hutan dan Hasil Air. Pada tahun 2019, Geran Persekutuan dan Hasil Tanah menunjukkan peningkatan tertinggi, iaitu masing-masing meningkat sebanyak RM171.38 juta dan RM43.15 juta berbanding tahun 2018. Antara faktor peningkatan Geran Persekutuan adalah pemberian yang tidak diperoleh pada tahun 2018 namun diterima pada tahun 2019 iaitu Pemberian Khas

dan Pemberian Pelancongan. Hasil utama Kerajaan negeri pada tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN HASIL	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Tanah	329.41	286.26	43.15	15.1
2.	Geran Persekutuan	289.66	118.28	171.38	144.9
3.	Hasil-hasil Lain	130.92	135.95	(5.03)	(3.7)
4.	Hasil Hutan	94.59	104.27	(9.68)	(9.3)
5.	Hasil Air	2.70	2.76	(0.06)	(2.2)
JUMLAH		847.28	647.52	199.76	30.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

6.3.4. Pada tahun 2019, tujuh (7) butiran hasil mencatatkan peningkatan ketara berbanding tahun 2018 seperti butiran dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENINGKATAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN HASIL	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Khas	200.00	0.00	200.00	100	Pemberian Khas oleh YAB Perdana Menteri bagi membantu kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang.
2.	Cukai Tanah	147.94	132.73	15.21	11.5	Peningkatan hasil cukai tanah semasa kerana pengeluaran Notis 6A.
3.	Royalti	83.46	70.91	12.55	17.7	Peningkatan Royalti Perlombongan dan Royalti Kayu-Kayan.
4.	Cukai Hiburan	17.60	9.63	7.97	82.8	Peningkatan kutipan hasil bagi cukai tiket taman hiburan kerana terdapat satu pusat hiburan baharu di Genting Highlands iaitu <i>Entertainment Duty for Skytropolis Funland</i> yang dibuka mulai bulan Disember 2018 yang membawa kutipan hasil sejumlah RM4.84 juta.
5.	Pemberian Pelancongan	7.86	0.00	7.86	100	Diberi oleh Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2019 berdasarkan perkongsian 50% hasil cukai pelancongan yang diterima.
6.	Terimaan Bayaran Balik Pokok Pinjaman	10.63	4.39	6.24	142.1	Terimaan Bayaran Balik Pokok Pinjaman daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang berdasarkan penstrukturkan semula Jadual Bayaran Balik Pinjaman serta bayaran balik pinjaman oleh Pihak Berkuastra Tempatan dan Agensi mengikut Jadual Bayaran Balik.
7.	Jualan Air ke Selangor	3.94	0.00	3.94	100	Penyaluran air mentah ke Selangor bermula pada tahun 2019 dengan kadar RM0.10/meter padu berikutan penyiapan Loji Rawatan Air Langat 2 pada tahun 2019.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

6.3.5. Pada tahun 2019, empat (4) butiran hasil mencatatkan penurunan ketara berbanding tahun 2018 seperti butiran dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN HASIL	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Terimaan Daripada Lain-lain Agensi	54.31	83.01	(28.70)	(34.6)	Terimaan daripada Perbadanan Setiausaha Kerajaan menurun sebanyak RM40 juta.
2.	Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus	0.00	23.60	(23.60)	(100.0)	Tiada terimaan pada tahun 2019.
3.	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	21.46	32.40	(10.94)	(33.8)	Diberi berdasarkan 10% daripada jumlah perbelanjaan projek Persekutuan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2018. Pada tahun tersebut, peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berkurang daripada tahun sebelumnya.
4.	Pemberian Pertumbuhan Hasil Bahagian I	8.72	14.33	(5.61)	(39.1)	Pemberian berdasarkan prinsip perkongsian hasil iaitu negeri-negeri akan mendapat pemberian ini apabila terdapat pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan dalam sesuatu tahun kewangan berbanding tahun kewangan sebelumnya.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

6.4. Perbelanjaan Mengurus

6.4.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan khusus yang diperuntukkan mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, iaitu yang dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah perbelanjaan yang diperuntukkan mengikut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian Kerajaan negeri.

6.4.2. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Pada tahun 2019, peruntukan perbelanjaan mengurus yang diluluskan menurun sebanyak RM27.25 juta atau 3.8% berbanding tahun 2018 seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	322.72	332.43	(9.71)	(2.9)
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	165.84	161.97	3.87	2.4
3.	Aset	1.21	5.87	(4.66)	(79.4)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	187.42	208.91	(21.49)	(10.3)
5.	Perbelanjaan Lain	6.72	1.98	4.74	239.4
JUMLAH		683.91	711.16	(27.25)	(3.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

6.4.3. Peruntukan asal yang diluluskan bagi tahun 2019 berjumlah RM679.46 juta. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM4.45 juta menjadi RM683.91 juta selepas semakan semula. Pada tahun 2019, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri berjumlah RM655.92 juta atau 95.9% daripada peruntukan yang diluluskan seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2019 BERBANDING PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	VARIANS	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	322.72	315.82	(6.90)	(2.1)
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	165.84	158.83	(7.01)	(4.2)
3.	Aset	1.21	1.09	(0.12)	(9.9)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap*	187.42	173.55	(13.87)	(7.4)
5.	Perbelanjaan Lain	6.72	6.63	(0.09)	(1.3)
JUMLAH		683.91	655.92	(27.99)	(4.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019

Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM21.00 juta

6.4.4. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2019 telah meningkat sebanyak RM22.34 juta atau 3.5% menjadi RM655.92 juta berbanding RM633.58 juta pada tahun 2018 seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	315.82	311.08	4.74	1.5
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	158.83	152.67	6.16	4.0
3.	Aset	1.09	3.23	(2.14)	(66.3)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap*	173.55	166.14	7.41	4.5
5.	Perbelanjaan Lain	6.63	0.46	6.17	1,341.3
JUMLAH		655.92	633.58	22.34	3.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

6.4.5. Perbelanjaan Lain bagi Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri meningkat dengan ketara sebanyak RM3.17 juta atau 720.5% menjadi RM3.61 juta pada tahun 2019 berbanding RM0.44 juta pada tahun 2018. Hal ini berlaku disebabkan oleh peningkatan bayaran tuntutan pulang balik hasil pada tahun 2019 berbanding tahun 2018. Bagaimanapun, terdapat perbelanjaan mengurus yang menunjukkan penurunan ketara pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PENURUNAN KETARA PERBELANJAAN MENGURUS
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	PUSAT TANGGUNG JAWAB	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
					(RM Juta)	(%)	
1.	Emolumen	Jabatan Perhutanan Negeri	30.17	34.87	(4.70)	(13.5)	Emolumen pegawai yang dibayar di bawah peruntukan mengurus telah dibayar di bawah peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.
2.	Aset	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	1.03	1.44	(0.41)	(28.5)	Pengurangan kelulusan perolehan aset dan kenderaan baharu.
3.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	22.15	25.75	(3.60)	(14.0)	Pengurangan pemberian bantuan geran kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan bayaran ganjaran cuti rehat.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

6.4.6. Semakan Audit selanjutnya mendapati kod objek 27000 bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri; kod objek 24000 dan 26000 bagi Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri; serta kod objek 26000 bagi Jabatan Perhutanan Negeri merupakan antara peruntukan yang dibelanjakan kurang daripada 50% dan paling rendah iaitu antara 0.2% hingga 7.5% seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PERUNTUKAN TAHUN 2019 YANG DIBELANJAKAN KURANG DARIPADA 50 PERATUS

BIL.	JABATAN	NAMA/ KOD AKTIVITI	KOD OBJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN	
					JUMLAH (RM)	(%)
1.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	Pengurusan Perakaunan/130000	27000	65,000.00	139.10	0.2
2.	Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri	Pendakwaan/311400	26000	24,000.00	906.91	3.8
3.	Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri	Pendakwaan/311400	24000	21,330.00	1,120.00	5.3
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	Operasi Hutan/ 703000	26000	40,000.00	3,019.49	7.5

Sumber: Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri

6.4.7. Selain itu, terdapat juga kod objek yang tidak dibelanjakan langsung seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PERUNTUKAN YANG TIDAK DIBELANJAKAN

BIL.	JABATAN	NAMA/ KOD AKTIVITI	KOD OBJEK	PERUNTUKAN (RM)			PERBELANJAAN	
				ASAL	VIREMEN	JUMLAH	(RM)	(%)
1.	Pejabat KDYMM Sultan	Jemaah Pangkuan Negeri/790000	27000	5,000.00	19,600.00	24,600.00	0.00	-
2.	Jabatan Pertanian Negeri	Bahagian Perancangan Penilaian/091600	26000	10,000.00	(5,000.00)	5,000.00	0.00	-

Sumber: Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri

6.4.8. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Pembayaran boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.
- b. Pada tahun 2019, sejumlah RM197,453.48 telah dibayar di bawah AP 58(a) melibatkan 46 baucar bayaran. Jumlah ini adalah lebih rendah berbanding 39 baucar bayaran berjumlah RM214,920 pada tahun 2018, iaitu penurunan sejumlah RM17,466.52 atau 8.1%. Butiran pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	JABATAN	2019		2018	
		BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat KDYMM Sultan	22	133,177.20	10	76,752.00
2.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	8	14,740.05	10	52,563.00
3.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	6	27,512.00	10	30,136.00
4.	Dewan Negeri	2	4,976.35	6	3,976.00
5.	Jabatan Perhutanan Negeri	0	0.00	2	50,401.00
6.	Jabatan Agama Islam Negeri	3	1,675.98	1	1,092.00
7.	Jabatan Kerja Raya Negeri	1	2,144.90	0	0
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands	1	4,500.00	0	0
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	1	1,787.00	0	0
10.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri	1	4,240.00	0	0
11.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri	1	2,700.00	0	0
JUMLAH		46	197,453.48	39	214,920.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

- c. Sebahagian besar perbelanjaan di bawah AP 58(a) melibatkan tuntutan elauan perjalanan, bayaran surat khabar, bayaran rawatan perubatan, sewa mesin fotostat, sewa mesin perinch dan bayaran utiliti Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK). Pembayaran di bawah AP 58(a) dibuat antaranya disebabkan oleh bil/tuntutan lewat diterima.
- d. Pihak Audit mendapati permohonan AP 58(a) tahun 2019 telah direkodkan ke dalam Daftar Permohonan AP 58(a) dan sistem SPEKS. Selain itu, peruntukan tahun 2019 adalah mencukupi bagi pembayaran di bawah AP 58(a).

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan merupakan sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan kumpulan wang lain yang berkaitan.

7.2. Pada tahun 2019, sejumlah RM57.27 juta pinjaman telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek Kerajaan negeri. Sejumlah RM2.63 juta adalah bagi Projek Bekalan Air di bawah Kumpulan Wang Bekalan Air manakala RM54.64 juta lagi adalah bagi Projek Pembangunan Pusat Pentadbiran Sultan Haji Ahmad Shah di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Ikatan Amanah mengenainya di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2019, baki Akaun Amanah Disatukan adalah RM354.76 juta, iaitu meningkat sebanyak RM18.61 juta atau 5.5% berbanding RM336.15 juta pada tahun 2018. Peningkatan Akaun Amanah Disatukan antaranya disebabkan oleh peningkatan Akaun Deposit sebanyak RM24.74 juta atau 11%. Baki Akaun Amanah Disatukan adalah seperti dalam **Jadual 18** dan **Carta 3**.

JADUAL 18
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(27.03)	(28.12)	1.09	3.9
i. Kumpulan Wang Pembangunan	(376.89)	(365.08)	(11.81)	(3.2)
ii. Kumpulan Wang Bekalan Air	(269.80)	(266.85)	(2.95)	(1.1)
iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	619.66	603.81	15.85	2.6
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	132.47	139.69	(7.22)	(5.2)
c. Akaun Deposit	249.32	224.58	24.74	11.0
JUMLAH	354.76	336.15	18.61	5.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

CARTA 3
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2015 hingga 2019

8.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada tiga (3) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Kumpulan wang ini berbentuk pusingan dan pembayarannya tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Pahang.

8.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan perbelanjaan pembangunan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Punca kewangan bagi kumpulan wang ini antaranya adalah caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, pinjaman dan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan serta Pelbagai Terimaan. Kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk membiayai projek pembangunan negeri seperti yang ditetapkan dalam Akta 406 dan diluluskan oleh Dewan Negeri.

a. Prestasi Kewangan

- Pada tahun 2019, kumpulan wang ini telah menerima sejumlah RM48.34 juta yang terdiri daripada caruman daripada Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM21 juta, Jualan Aset Modal berjumlah RM124,594.50 dan Pelbagai Terimaan berjumlah RM27.22 juta. Pelbagai Terimaan terdiri daripada Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup sejumlah RM16.79 juta, Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II sejumlah RM6.46 juta, Sewaan Rumah Awam Kos Rendah sejumlah RM3.72 juta dan Pemberian Persekutuan Bagi Perumahan Awam Kos Rendah sejumlah RM250,850.

ii. Pada tahun 2019, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit berjumlah RM11.81 juta berbanding defisit RM6.38 juta pada tahun 2018, iaitu menurun sebanyak RM5.43 juta atau 85.1%. Pada akhir tahun 2019, Kumpulan Wang Pembangunan berbaki defisit berjumlah RM376.89 juta berbanding defisit berjumlah RM365.08 juta pada akhir tahun 2018 seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

PERKARA	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(365.08)	(358.70)	(6.38)	(1.8)
Terimaan	48.34	44.59	3.75	8.4
Perbelanjaan	60.15	50.97	9.18	18.0
Defisit	(11.81)	(6.38)	(5.43)	(85.1)
BAKI PADA 31 DISEMBER	(376.89)	(365.08)	(11.81)	(3.2)

Sumber: Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri

iii. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2019 telah meningkat sebanyak RM9.18 juta atau 18% menjadi RM60.15 juta berbanding RM50.97 juta pada tahun 2018 seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	9.12	8.50	0.62	7.3
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	17.30	6.17	11.13	180.4
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	14.88	13.97	0.91	6.5
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	1.86	1.87	(0.01)	(0.5)
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1.30	0.95	0.35	36.8
6.	Jabatan Pertanian Negeri	4.40	4.59	(0.19)	(4.1)
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	1.82	2.50	(0.68)	(27.2)
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	9.37	7.57	1.80	23.8
9.	Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri	0.00	4.59	(4.59)	(100.0)
10.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	0.10	0.26	(0.16)	(61.5)
JUMLAH		60.15	50.97	9.18	18.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

b. Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-11

i. Pada tahun 2019, peruntukan yang diluluskan bagi pelaksanaan projek di bawah RMKe-11 termasuk Projek Bekalan Air berjumlah RM67.98 juta.

Sebanyak 164 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 10 jabatan adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN BAGI
PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 PADA TAHUN 2019

BIL.	JABATAN	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM Juta)	BILANGAN PROJEK DIRANCANG
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	9.27	34
2.	Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri	17.84	13
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	15.20	19
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	1.90	27
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1.40	1
6.	Jabatan Pertanian Negeri	4.40	27
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	1.90	7
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	9.43	22
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	0.10	3
10.	Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri (Projek Bekalan Air)	6.54	11
JUMLAH		67.98	164

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri


- ii. Sehingga akhir tahun 2019, sebanyak 88 projek atau 53.7% telah siap sepenuhnya, sembilan (9) projek atau 5.5% sedang dilaksanakan dan 67 projek atau 40.8% ditangguhan/belum mula. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 22** dan **Carta 4**.

JADUAL 22
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 TAHUN 2019

BIL.	JABATAN	BILANGAN PROJEK DIRANCANG	STATUS PROJEK		
			SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	TANGGUH/ BELUM MULA
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	34	23	-	11
2.	Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri	13	6	-	7
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	19	12	-	7
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	27	21	-	6
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1	1	-	-
6.	Jabatan Pertanian Negeri	27	16	-	11
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	7	3	1	3
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	22	5	1	16
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	3	1	-	2
10.	Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri (Projek Bekalan Air)	11	-	7	4
JUMLAH		164	88	9	67

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

CARTA 4
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 TAHUN 2019



Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

- iii. Pada tahun 2019, sebanyak 67 projek yang dirancang telah ditangguh/belum dimulakan kerana ketiadaan peruntukan adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
PROJEK RMKe-11 TAHUN 2019 YANG MASIH BELUM DIMULAKAN

BIL.	JABATAN	BILANGAN PROJEK
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	11
2.	Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri	7
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	7
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	6
5.	Jabatan Pertanian Negeri	11
6.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	3
7.	Jabatan Agama Islam Negeri	16
8.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	2
9.	Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri (Projek Bekalan Air)	4
JUMLAH		67

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

8.1.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1), Akta 230 (Akta Kumpulan Wang Bekalan Air). Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan berkaitan bekalan air. Pada tahun 2019, Kerajaan negeri telah menerima pinjaman sejumlah RM2.63 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan berkaitan projek bekalan air. Pada akhir tahun 2019, baki Kumpulan Wang Bekalan Air menurun sebanyak RM2.94 juta menyebabkan defisit meningkat sebanyak 1.1% menjadi RM269.79 juta berbanding defisit RM266.85 juta pada tahun 2018 seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
BAKI KUMPULAN WANG BEKALAN AIR PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

PERKARA	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(266.85)	(267.94)	1.09	0.4
Terimaan	2.63	15.46	(12.83)	(83.0)
Perbelanjaan	5.57	14.37	(8.80)	(61.2)
Lebihan/Defisit	(2.94)	1.09	(4.03)	(369.7)
BAKI PADA 31 DISEMBER	(269.79)	(266.85)	(2.94)	(1.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

8.1.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada akhir tahun 2019, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM619.66 juta, meningkat sebanyak RM15.84 juta atau 2.6% berbanding RM603.82 juta pada tahun 2018.
- b. Faktor peningkatan ini antaranya disebabkan oleh baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan meningkat sebanyak RM46.66 juta atau 32.3% menjadi RM191.17 juta berbanding RM144.51 juta pada tahun 2018. Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
BAKI PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	196.38	233.98	(37.60)	(16.1)
2.	Akaun Pinjaman	130.86	123.38	7.48	6.1
3.	Kumpulan Wang Luar Jangka	10.00	10.00	0.00	0.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	282.42	236.46	45.96	19.4
JUMLAH		619.66	603.82	15.84	2.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

c. Akaun Penyelesaian

i. Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan

- Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan, Pinjaman Fasiliti dan Pendahuluan

Penganjuran SUKMA. Pada 31 Disember 2019, baki Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM111.46 juta, menurun sebanyak RM101.33 juta atau 47.6% berbanding RM212.79 juta pada tahun 2018. Penurunan tersebut antaranya disebabkan oleh baki Pinjaman Fasiliti berjumlah RM78.40 juta telah dipindahkan ke Akaun Pinjaman Bercagar Daripada Kerajaan Persekutuan pada bulan Ogos 2019. Selain itu, pada tahun 2019, sejumlah RM22.93 juta telah dibuat bayaran balik masing-masing bagi Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM16.53 juta, Pinjaman Fasiliti berjumlah RM2.30 juta dan Pendahuluan Penganjuran SUKMA berjumlah RM4.10 juta seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
BAKI AKAUN PENDAHULUAN DARI
KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	JENIS AKAUN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	BAYARAN BALIK TAHUN 2019 (RM Juta)
1.	Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan	99.16	115.69	16.53
2.	Pinjaman Fasiliti	*-	80.70	2.30
3.	Pendahuluan Penganjuran SUKMA	12.30	16.40	4.10
JUMLAH		111.46	212.79	22.93

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

Nota: (*) – Baki berjumlah RM78.40 juta dipindahkan ke Akaun Pinjaman Bercagar Daripada Kerajaan Persekutuan

- Pada akhir tahun 2019, bayaran balik Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan adalah melalui *offset* dengan Pemberian Mengikut Bilangan Orang berjumlah RM3.70 juta, Pemberian di Bawah Senarai Bersama berjumlah RM4 juta, Bayaran Perkhidmatan berjumlah RM4 juta serta Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan, Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM4.83 juta. Selain itu, bayaran balik Pendahuluan Penganjuran SUKMA juga adalah melalui *offset* dengan Pemberian di Bawah Senarai Bersama berjumlah RM2 juta dan Bayaran Perkhidmatan berjumlah RM2.1 juta. Sehingga akhir tahun 2019, tiada tunggakan bayaran balik bagi ketiga-tiga akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan.

ii. Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar (AKB) diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan negeri kepada pembekal barang dan perkhidmatan yang diperoleh sehingga 31 Disember tahun semasa dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2019, pembayaran di bawah AKB berjumlah RM7.50 juta, menurun sebanyak RM9.11 juta atau 54.8% berbanding RM16.61 juta pada tahun 2018. Sebanyak 29 jabatan terlibat dalam

pembayaran AKB pada tahun 2019. Antara jenis perbelanjaan yang terlibat adalah bayaran bagi perkhidmatan tapak pelupusan sampah, perkhidmatan pencucian, kawalan keselamatan, pembelian kenderaan, penyelenggaraan, rawatan dan perubatan, gantian cuti rehat, tuntutan perjalanan, elaun lebih masa dan perkhidmatan/bekalan lain.

d. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

i. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri

- Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri diwujudkan untuk membiayai kos berkaitan penyelenggaraan jalan negeri. Pada akhir tahun 2019, baki kumpulan wang amanah ini berjumlah RM191.17 juta, iaitu meningkat sebanyak RM46.66 juta atau 32.3% berbanding RM144.51 juta pada tahun 2018. Terimaan kumpulan wang amanah ini juga meningkat sebanyak RM43.92 juta atau 18% menjadi RM287.65 juta berbanding RM243.73 juta pada tahun 2018. Peningkatan terimaan ini disebabkan oleh pertambahan pendaftaran jalan negeri dalam *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS). Perbelanjaan kumpulan wang amanah ini menurun sebanyak RM18.97 juta atau 7.3% menjadi RM240.99 juta berbanding RM259.96 juta pada tahun 2018. Penurunan perbelanjaan ini disebabkan oleh peruntukan bagi penyelenggaraan selepas monsun timur laut tahun 2019 tidak dibelanjakan kerana hujan lebat dan banjir tidak melanda negeri Pahang.
- Mengikut rekod MARRIS, panjang jalan di negeri Pahang adalah 25,739.778 kilometer merangkumi jalan negeri utama, jalan bandaran, jalan perumahan, lorong belakang perumahan, jalan kampung dan jalan pertanian. Penyenggaraan jalan tersebut dibahagikan kepada lima (5) bahagian iaitu jalan yang disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Syarikat YP Maintenance Sdn. Bhd., Syarikat Muhibah Sdn. Bhd., Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN
JALAN-JALAN NEGERI PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	144.51	160.74	(16.23)	(10.1)
Terimaan	287.65	243.73	43.92	18.0
Perbelanjaan	240.99	259.96	(18.97)	(7.3)
BAKI PADA 31 DISEMBER	191.17	144.51	46.66	32.3
Penggunaan (%)	83.8	106.7		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

ii. Kumpulan Wang Amanah Pengelolaan Sukan Malaysia (SUKMA) 2012 Pahang

Pada awal tahun 2019, baki Kumpulan Wang Amanah Pengelolaan Sukan Malaysia (SUKMA) 2012 Pahang berjumlah RM4.06 juta. Perkara berkaitan penutupan kumpulan wang amanah ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bilangan 1/2019 bertarikh 24 April 2019. Pejabat Setiausaha Kerajaan telah membuat permohonan penutupan kumpulan wang amanah ini ke Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri pada 19 Julai 2019. Baki kumpulan wang amanah ini telah disifarkan melalui Baucar Jurnal bernombor BJ007204 bertarikh 13 September 2019. Bagaimanapun, penutupan kumpulan wang amanah ini tidak dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan terlebih dahulu untuk kelulusan sebelum baki disifarkan.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri yang Diterima pada 29 Julai 2020

Penutupan kumpulan wang amanah ini telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam mesyuarat ke-28/2020 pada 15 Julai 2020. Usul penutupan kumpulan wang amanah ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam sidang Dewan Negeri Pahang Ke-14 yang diadakan pada 24 Ogos 2020.

8.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.2.1. Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang yang diterima daripada orang awam dan organisasi kepada Kerajaan negeri bagi tujuan tertentu.

Pengurusan kumpulan wang ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan. Pegawai Pengawal yang mengendalikan kumpulan wang ini dikehendaki mengemukakan penyata tahunan untuk pemeriksaan dan pengesahan oleh Jabatan Audit Negara secepat mungkin selepas 31 Disember setiap tahun dan tidak lewat dari 28 Februari tahun berikutnya. Kesemua 23 penyata Kumpulan Wang Amanah Awam dan penyata penyesuaianya telah diterima untuk diaudit. Baki kumpulan wang ini pada akhir tahun 2019 berjumlah RM132.47 juta berbanding RM139.69 juta pada tahun 2018 dengan penurunan sebanyak RM7.22 juta atau 5.2% adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH AWAM PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

PERKARA	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	139.69	100.31	39.38	39.3
Penerimaan	67.43	90.57	(23.14)	(25.5)
Pembayaran	74.65	51.19	23.46	45.8
Baki Pada 31 Disember	132.47	139.69	(7.22)	(5.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

8.2.2. Pada tahun 2019, dua (2) Akaun Amanah Awam iaitu Akaun Amanah Tabung Perumahan Rakyat Negeri Pahang dan Akaun Amanah Dana Pusingan (*Revolving Fund*) Kerja Kecemasan Untuk Pembaikan Jalan Negeri Pahang telah ditubuhkan. Selain itu, satu (1) akaun amanah awam telah ditutup iaitu Akaun Amanah Perayaan Bulan Kemerdekaan dan baki akaun tersebut telah dikreditkan ke Akaun Hasil.

8.3. Akaun Deposit

8.3.1. Deposit adalah wang yang diterima oleh sesebuah jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan semula sebaik sahaja selesai maksudnya. Pengurusan akaun deposit adalah mengikut Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163 yang juga menghendaki Pegawai Pengawal bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Pada akhir tahun 2019, Kerajaan Negeri Pahang mempunyai 20 jenis akaun Deposit Am yang diselenggarakan oleh 41 Pusat Tanggungjawab (PTJ).

8.3.2. Pada akhir tahun 2019, baki akaun deposit Kerajaan negeri berjumlah RM249.32 juta berbanding RM224.58 juta pada akhir tahun 2018 dengan peningkatan sebanyak RM24.74 juta atau 11%. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan permohonan kerja gorek gali jalan dan lesen pendudukan sementara bagi Akaun Deposit Pelbagai di Jabatan Kerja Raya Negeri sebanyak RM20.28 juta serta pertambahan pengeluaran lesen pembalakan berikutan

permintaan yang tinggi dalam pasaran kayu balak semasa bagi Akaun Deposit Royalti Kayu Kayan di Jabatan Perhutanan Negeri sebanyak RM8.70 juta. Baki akaun Deposit Am pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
BAKI AKAUN DEPOSIT AM PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	AKAUN DEPOSIT AM	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Pelbagai	80.51	59.32	21.19	35.7
2.	Deposit Royalti Kayu Kayan	100.33	91.63	8.70	9.5
3.	Deposit Cagaran	1.24	0.84	0.40	47.6
4.	Deposit Wang Jaminan Pelepasan Bagi Kesalahan Undang-undang	0.60	0.52	0.08	15.4
5.	Akaun Deposit Tender	0.05	0.01	0.04	400.0
6.	Pelbagai Deposit Am	66.59	72.26	(5.67)	(7.8)
JUMLAH		249.32	224.58	24.74	11.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Memorandum Aset dan Memorandum Liabiliti. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan negeri iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti Kerajaan negeri yang terdiri daripada Hutang Awam, iaitu hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan. Penyata Akaun Memorandum pada akhir tahun 2019 menunjukkan Kerajaan negeri mempunyai aset kewangan berjumlah RM1.053 bilion manakala liabiliti pula berjumlah RM3.066 bilion.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada agensi negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan negeri atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2019, baki Pinjaman Boleh Dituntut daripada sumber Kerajaan Persekutuan berjumlah RM204.39 juta, iaitu meningkat sebanyak RM10.90 juta atau 5.6% berbanding RM193.49 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan oleh penjadualan semula bayaran balik pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang yang telah tamat tempoh dan pelarasan faedah atas pinjaman yang dipokokkan sebanyak RM21.54 juta.

9.1.2. Pada tahun 2019, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) telah membuat bayaran balik pinjaman iaitu bayaran pokok sejumlah RM2.37 juta dan bayaran faedah sejumlah RM1.73 juta yang merupakan bayaran balik tunggakan pinjaman pada tahun 2017. Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2018 dan 2019, MPK mempunyai baki tunggakan pinjaman berjumlah RM8.21 juta. Baki Pinjaman Boleh Dituntut Kerajaan negeri pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	AGENSI/ SYARIKAT	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	140.68	126.86	13.82	10.9
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	21.70	22.20	(0.50)	(2.3)
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	42.01	44.43	(2.42)	(5.4)
JUMLAH		204.39	193.49	10.90	5.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2019 berjumlah RM848.80 juta adalah sama seperti pada tahun 2018. Perkara ini disebabkan tiada pembelian atau penjualan saham dalam tahun semasa. Baki pelaburan saham Kerajaan negeri pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
BAKI PELABURAN SAHAM
KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	SYARIKAT	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	829.96	829.96		
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	16.51	16.51		
3.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	2.10	2.10		
4.	Axiata Group Berhad	0.23	0.23		
JUMLAH		848.80	848.80		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

9.2.2. Pada tahun 2019, pulangan dividen yang diterima oleh Kerajaan negeri berjumlah RM91,282 meningkat sebanyak RM9,609 atau 11.8% berbanding RM81,673 pada tahun 2018. Kerajaan negeri hanya menerima dividen daripada pelaburan dalam syarikat Axiata Group Berhad. Selain itu, syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVHB) tidak mengisyiharkan dividen pada tahun 2019 kerana FGVHB mencatatkan kerugian berjumlah RM242 bilion. Pulangan dividen ke

atas pelaburan Kerajaan negeri bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 32** dan **Carta 5**.


JADUAL 32
PULANGAN DIVIDEN KE ATAS
PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2019

BIL.	SYARIKAT	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
1.	Axiata Group Berhad	0.13	0.16	0.08	0.08	0.09
2.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	10.94	3.65	10.94	0.00	0.00
3.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	0.00*	0.00	0.00	0.00	0.00
4.	Amanah Saham Pahang Berhad	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH		11.07	3.81	11.02	0.08	0.09

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2015 hingga 2019

Nota: (*) – RM1,156

CARTA 5
PULANGAN DIVIDEN KE ATAS
PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2019



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2015 hingga 2019

9.2.3. Pelaburan Dalam Axiata Group Berhad

- Saham Axiata Group Berhad (Axiata) sebanyak 915,000 unit yang diperoleh melalui terbitan saham bonus dinyatakan dalam Penyata Akaun Memorandum. Unit pegangan saham bertambah kepada 960,864 unit dengan nilai buku RM232,130.12 disebabkan oleh pelaburan semula dividen sejumlah RM73,198.95 yang diterima pada tahun 2015 dan RM158,931.17 yang diterima pada tahun 2016. Pihak Audit mendapati pelaburan semula dividen yang diterima pada tahun 2015 tidak diambil kira dalam Penyata Kedudukan Kewangan manakala pelaburan semula dividen yang diterima pada tahun 2016 telah diambil kira dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan dalam Axiata Group Berhad di Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum pada tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
PELABURAN DALAM AXIATA GROUP BERHAD PADA TAHUN 2019

BIL.	PEGANGAN SAHAM (Unit)	PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (RM)	PENYATA AKAUN MEMORANDUM (RM)
1.	13,189	-	73,198.95
2.	32,675	158,931.17	158,931.17
3.	915,000	-	-
JUMLAH	960,864	158,931.17	232,130.12

Sumber: Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri yang Diterima pada 20 Julai 2020

Pelarasan bagi dividen yang diterima pada tahun 2015 telah dibuat melalui Baucar Jurnal BJ007996 bertarikh 20 Julai 2020.

9.2.4. Pelaburan Dalam Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.

Pelaburan dalam Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. (RHSMSB) yang dinyatakan dalam Penyata Akaun Memorandum adalah sebanyak 2.10 juta unit berjumlah RM2.10 juta yang merupakan nilai tanah yang diberikan kepada RHSMSB. Bagaimanapun, semakan terhadap maklumat pemegang saham dalam Pendaftar Syarikat mendapati milikan saham ini adalah atas nama Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) dan bukannya Kerajaan negeri.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri yang Diterima pada 4 Ogos 2020

PSK telah bersetuju untuk membuat penyelarasan saham dengan memindahkan dan mendaftarkan saham RHSMSB di atas nama PSK kepada Kerajaan negeri serta menyerahkan keseluruhan kepentingan di dalam saham RHSMSB kepada Kerajaan negeri.

9.3. Hutang Awam

9.3.1. Hutang Awam Kerajaan negeri terdiri daripada hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan dan hutang kepada institusi kewangan bagi membiayai pelaburan. Pada tahun 2019, baki Hutang Awam kepada

Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak RM14.12 juta atau 0.5% menjadi RM3.066 bilion berbanding RM3.052 bilion pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan oleh pinjaman yang diterima pada tahun 2019 bagi Projek Bekalan Air sebanyak RM2.63 juta dan pinjaman Projek Pelbagai untuk pembangunan Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS) sebanyak RM54.64 juta.

9.3.2. Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan bagi pinjaman projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) sejumlah RM1.82 juta, projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) sejumlah RM5.03 juta dan projek Pelbagai sejumlah RM5.77 juta. Selain itu, bayaran balik sejumlah RM40 juta telah dibuat kepada institusi kewangan bagi pinjaman berkaitan pembelian saham FGVHB. Baki Hutang Awam Kerajaan negeri pada akhir tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
BAKI HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	PEMBIAYA/ TUJUAN PINJAMAN	2019	2018	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
KERAJAAN PERSEKUTUAN					
1.	Projek Bekalan Air	2,083.05	2,080.42	2.63	0.1
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	283.70	285.52	(1.82)	(0.6)
3.	Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	118.43	123.46	(5.03)	(4.1)
4.	Projek Pelbagai	481.32	422.98	58.34	13.8
INSTITUSI KEWANGAN		100.00	140.00	(40.00)	(28.6)
JUMLAH		3,066.50	3,052.38	14.12	0.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

9.3.3. Kerajaan negeri hanya mempunyai tunggakan bayaran balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan. Baki tunggakan termasuk faedah pinjaman telah meningkat sebanyak RM122.10 juta atau 9.6% menjadi RM1.388 bilion pada tahun 2019 berbanding RM1.266 bilion pada tahun 2018 seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Projek Bekalan Air	1,036.59	940.40	96.19	10.2
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	150.07	135.80	14.27	10.5
3.	Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	69.58	71.25	(1.67)	(2.3)
4.	Projek Pelbagai	132.03	118.72	13.31	11.2
JUMLAH		1,388.27	1,266.17	122.10	9.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

9.3.4. Pada akhir tahun 2019, tunggakan bayaran balik bagi projek Bekalan Air meningkat sebanyak RM96.19 juta kerana tiada bayaran balik dibuat. Tunggakan bayaran balik bagi projek PAKR juga meningkat sebanyak RM14.27 juta disebabkan oleh penambahan tunggakan bayaran balik pinjaman termasuk faedah. Bagaimanapun, Kerajaan negeri ada membuat bayaran balik pinjaman bagi Projek PAKR Sungai Pandan, Kuantan sejumlah RM1.82 juta (bayaran pokok) dan RM2.50 juta (bayaran faedah).

9.3.5. Tunggakan pinjaman projek PKEN pula menurun sebanyak RM1.67 juta atau 2.3% menjadi RM69.58 juta pada akhir tahun 2019 berbanding RM71.25 juta pada tahun 2018. Penurunan ini disebabkan oleh Kerajaan negeri membuat bayaran balik pinjaman termasuk faedah pada tahun 2019 sebanyak RM9.11 juta bagi penjadualan semula pinjaman dua (2) projek PKEN iaitu Projek Pembinaan 18 Unit Kedai Dua (2) dan Tiga (3) Tingkat di Indera Mahkota, Kuantan serta Projek Pembinaan 13 Unit Kedai Dua (2) Tingkat di Peramu, Pekan.

9.3.6. Bagi Projek Pelbagai, tunggakan pinjaman meningkat sebanyak RM13.31 juta atau 11.2% menjadi RM132.03 juta pada tahun akhir 2019 berbanding RM118.72 juta pada tahun 2018. Peningkatan disebabkan oleh Kerajaan negeri tidak membuat bayaran anuiti secara penuh. Kerajaan negeri ada membuat bayaran balik pinjaman termasuk faedah pada tahun 2019 sebanyak RM9.38 juta bagi projek Ladang Hutan Kompensatori Kedua dan Pembinaan Bangunan Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kuantan.

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan

Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Peraturan mengenai Akaun Belum Terima dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89A yang menetapkan setiap Pegawai Pengawal perlu menghantar penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Akauntan Negeri dengan salinannya kepada Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan WP10.6 juga menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima di mana tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, Surat Arahan Bagi Penutupan Akaun Negeri Pahang Tahun 2019 juga telah menetapkan kewajipan untuk mengemukakan Penyata Akaun Belum Terima selewat-lewatnya pada 31 Januari 2020.

10.1.2. Akaun Belum Terima Kerajaan negeri telah menurun sebanyak RM9.03 juta atau 9.8% menjadi RM82.72 juta pada akhir tahun 2019 berbanding RM91.75 juta pada akhir tahun 2018. Lima (5) Jabatan yang mempunyai Akaun Belum Terima tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
AKAUN BELUM TERIMA TERTINGGI
MENGIKUT JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	JABATAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	37.35	40.37	(3.02)	(7.5)
2.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	9.08	8.73	0.35	4.0
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan	5.12	4.31	0.81	18.8
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	4.69	5.19	(0.50)	(9.6)
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut	4.11	4.44	(0.33)	(7.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

10.1.3. Tunggakan cukai tanah merupakan 81% daripada jumlah keseluruhan Akaun Belum Terima pada tahun 2019. Tunggakan cukai tanah menurun sebanyak RM9.98 juta atau 13% menjadi RM67.02 juta pada tahun 2019 berbanding RM77 juta pada tahun 2018. Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan merupakan satu-satunya pejabat tanah yang mencatatkan peningkatan tunggakan pada tahun 2019, iaitu sebanyak RM0.78 juta atau 18.2% menjadi RM5.06 juta berbanding RM4.28 juta pada tahun 2018. Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin pula mencatatkan penurunan tunggakan yang tertinggi iaitu sebanyak RM3.51 juta atau 55.8% menjadi RM2.78 juta berbanding RM6.29 juta pada tahun 2018. Butiran tunggakan cukai

tanah mengikut Jabatan pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
TUNGGAKAN CUKAI TANAH
MENGIKUT JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	JABATAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	37.30	40.37	(3.07)	(7.6)
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan	5.06	4.28	0.78	18.2
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Bera	2.51	3.60	(1.09)	(30.3)
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut	4.07	4.44	(0.37)	(8.3)
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands	0.17	0.85	(0.68)	(80.0)
6.	Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	3.55	3.76	(0.21)	(5.6)
7.	Pejabat Daerah Dan Tanah Maran	3.26	3.53	(0.27)	(7.6)
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis	1.55	1.78	(0.23)	(12.9)
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh	4.06	4.70	(0.64)	(13.6)
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong	2.71	3.40	(0.69)	(20.3)
11.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin	2.78	6.29	(3.51)	(55.8)
JUMLAH		67.02	77.00	(9.98)	(13.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 dan 2018

10.1.4. Pengauditan pematuhan yang dijalankan di PDT Bentong dan PDT Kuantan mendapati Akaun Belum Terima terlebih nyata kerana mengambil kira tunggakan cukai tanah bagi hak milik bersyarat nyata kegunaan awam. Semakan Audit terhadap 338 hak milik yang mempunyai tunggakan cukai tanah tertinggi mendapati 66 daripada hak milik tersebut yang berjumlah RM1.54 juta merupakan tanah bersyarat nyata kegunaan awam.

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada akhir tahun 2019 adalah stabil berdasarkan perkara seperti berikut:

11.1. baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan negeri berjumlah RM331.69 juta pada akhir tahun 2019 berbanding RM121.72 juta pada akhir tahun 2018, iaitu meningkat sebanyak RM209.97 juta atau 172.5%;

11.2. baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan penurunan kurangan sebanyak RM191.36 juta atau 89.2% menjadikan baki kurangan terkumpul berjumlah RM23.07 juta pada tahun 2019 berbanding RM214.43 juta pada tahun 2018;

- 11.3. perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2019 mencatat peningkatan sebanyak RM22.34 juta atau 3.5% menjadi RM655.92 juta berbanding RM633.58 juta pada tahun 2018;
- 11.4. penambahan RM100 juta atau 89.2% deposit dalam negeri pada tahun 2019 menjadikan pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM212.12 juta berbanding RM112.12 juta tahun 2018;
- 11.5. kutipan hasil meningkat sebanyak RM199.76 juta atau 30.9% pada tahun 2019 menjadi RM847.28 juta berbanding RM647.52 juta pada tahun 2018; dan
- 11.6. tunggakan bayaran balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak RM122.10 juta atau 9.6% pada tahun 2019 menjadi RM1.388 bilion berbanding RM1.266 bilion pada tahun 2018.

12. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- 12.1. Kerajaan negeri meneruskan amalan perbelanjaan secara berhemat serta berusaha mengutip tunggakan hasil dan bayaran balik pinjaman bagi memperkuatkan kedudukan kewangan Kerajaan negeri; dan
- 12.2. Pejabat Daerah dan Tanah perlu menyemak dan memastikan amaun Akaun Belum Terima (ABT) yang dilaporkan kepada Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri adalah tepat bagi mengelakkan ABT terlebih nyata.



BAHAGIAN III

**PENYERAHAN, PENGESAHAN,
PEMBENTANGAN PENYATA
KEWANGAN DAN PRESTASI
KEWANGAN AGENSI NEGERI**

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2019	Bilangan Agensi Negeri	Pengesahan Akaun
	9 Badan Berkanun Negeri	2 Pendapat Tanpa Teguran
	11 Pihak Berkuasa Tempatan	18 Belum Disahkan

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pada tahun kewangan 2019, penyata kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara kerana MUIP telah melantik firma audit swasta bagi mengaudit penyata kewangannya. Perkara ini adalah berikutan pindaan terhadap Seksyen 77 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pindaan 2018) yang telah diluluskan dalam sidang Dewan Negeri Pahang pada 26 November 2018.

2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2020, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap sembilan (9) penyata kewangan BBN serta 11 penyata kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. BBN ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri manakala PBT ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Setakat 15 Ogos 2020, hanya dua (2) penyata kewangan telah disijilkan iaitu Majlis Sukan Pahang dan Majlis Daerah Cameron Highlands.

2.2. Pengauditan terhadap penyata kewangan Lembaga Muzium Negeri Pahang dan Majlis Daerah Raub dilaksanakan sendiri oleh Jabatan Audit Negara manakala 18 penyata kewangan lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7 (3), Akta Audit 1957, yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan kesan daripada pandemik COVID-19, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah menetapkan tarikh akhir bagi mengemukakan penyata kewangan bagi kesemua 20 agensi negeri adalah pada 30 Jun 2020 berbanding 30 April 2020 sebelum ini. Setakat 15 Ogos 2020, kesemua sembilan (9) BBN dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 untuk diaudit. Daripada 20 agensi negeri tersebut, 19 agensi negeri mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2020. Manakala satu (1) agensi negeri iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2020. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2019 oleh agensi negeri adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1 KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 OLEH AGENSI NEGERI		
BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Majlis Sukan Pahang	30.04.2020
2.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	30.04.2020
3.	Lembaga Pembangunan Tioman	30.04.2020
4.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang	18.06.2020
5.	Yayasan Pahang	25.06.2020
6.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	29.06.2020
7.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	29.06.2020
8.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	30.06.2020
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	02.07.2020
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Cameron Highlands	30.04.2020
2.	Majlis Daerah Bera	21.05.2020
3.	Majlis Perbandaran Temerloh	11.06.2020
4.	Majlis Daerah Rompin	29.06.2020
5.	Majlis Perbandaran Bentong	29.06.2020
6.	Majlis Daerah Lipis	29.06.2020

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PENYERAHAN
7.	Majlis Daerah Raub	30.06.2020
8.	Majlis Daerah Maran	30.06.2020
9.	Majlis Daerah Jerantut	30.06.2020
10.	Majlis Daerah Pekan	30.06.2020
11.	Majlis Perbandaran Kuantan	30.06.2020

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan mulai tahun 2019, semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi negeri mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan); perakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan; dan dokumen sokongan berkaitan. Kegagalan agensi negeri untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan agensi negeri dianggap masih belum mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan piawaian perakaunan yang diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards (FRS)/ Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)* dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)*.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)* melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts* 1969 di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi negeri bagi tahun kewangan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2019

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BILANGAN AGENSI NEGERI
1.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)</i>	5
2.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)</i>	15
JUMLAH		20

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). ISSAI menetapkan dua (2) jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan piawaian perakaunan yang berkenaan.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai diberikan terhadap penyata kewangan yang mengandungi salah nyata yang ketara, tidak memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tidak memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara. Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian seperti berikut:

5.2.1. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Perenggan *Emphasis of Matter* (EOM)

ISSAI 1706 menyatakan perenggan EOM adalah perkara yang didedahkan atau dinyatakan dalam penyata kewangan. Juruaudit membuat pertimbangan profesional bahawa ia amat penting dan menjadi asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

b. Perenggan Hal-Hal Lain (*Other Matter*)

ISSAI 1706 menyatakan perenggan *Other Matter* merujuk kepada perkara selain daripada yang didedahkan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan. Pada pertimbangan juruaudit, perkara berkaitan adalah relevan kepada pemahaman pengguna mengenai pengauditan, tanggungjawab juruaudit atau laporan Audit.

c. Perkara Utama Audit (*Key Audit Matter*)

ISSAI 1701 menyatakan perenggan Perkara Utama Audit (KAM) meliputi isu signifikan dalam tahun semasa yang telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab mengenai tadbir urus.

5.2.2. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, material tetapi tidak pervasif.

b. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi serta bersesuaian.

c. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, Penafian Pendapat juga diberi apabila juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidakpastian tetapi tidak dapat memberi pendapat disebabkan oleh potensi ketidakpastian dan kesan kumulatif terhadap penyata kewangan.

5.3. Setakat 15 Ogos 2020, sebanyak dua (2) daripada 20 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun kewangan 2019 telah diaudit dan diberi Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut adalah bagi Majlis Sukan Pahang dan Majlis Daerah Cameron Highlands. Baki 18 penyata kewangan lagi masih dalam peringkat

pengaudit. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis Pendapat Audit bagi tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENDAPAT AUDIT TERHADAP PENGESAHAN
PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2019

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN (Bil. Penyata)			
		2016	2017	2018	2019
1.	Pendapat Tanpa Teguran	20	14	14	2
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	1	5	1	-
3.	Pendapat Berteguran	-	2	6	-
JUMLAH		21	21	21	2

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2016 hingga 2019

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen Penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi negeri yang telah diaudit berserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang. Bagi PBT, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu (1) salinan penyata kewangan dan sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Negeri Pahang. Setakat 15 Ogos 2020, tujuh (7) penyata kewangan BBN dan 11 penyata kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang.

6.2. Dua (2) penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, iaitu Lembaga Pembangunan Tioman (LPT) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP) masih belum dibentangkan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018
DI DEWAN NEGERI PAHANG SETAKAT 15 OGOS 2020

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN NEGERI PAHANG
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Majlis Sukan Pahang	19.08.2019
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	22.11.2019
3.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	22.11.2019
4.	Yayasan Pahang	22.11.2019
5.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	22.11.2019

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN NEGERI PAHANG
6.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang	22.11.2019
7.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	20.04.2020
8.	Lembaga Pembangunan Tioman	Belum Dibentangkan
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	Belum Dibentangkan
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Bentong	22.11.2019
2.	Majlis Daerah Pekan	22.11.2019
3.	Majlis Daerah Rompin	22.11.2019
4.	Majlis Daerah Raub	22.11.2019
5.	Majlis Daerah Bera	22.11.2019
6.	Majlis Daerah Maran	22.11.2019
7.	Majlis Perbandaran Temerloh	22.11.2019
8.	Majlis Daerah Cameron Highlands	22.11.2019
9.	Majlis Daerah Jerantut	22.11.2019
10.	Majlis Daerah Lipis	22.11.2019
11.	Majlis Perbandaran Kuantan	22.11.2019

Sumber: Fail Mesyuarat Dewan Negeri Pahang

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan agensi yang dilaporkan setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara adalah merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan pendapatan, aset dan liabiliti. Pada tahun 2020, telah berlaku peristiwa luar biasa yang belum pernah dialami sebelumnya iaitu pandemik COVID-19. Keadaan ini turut menjelaskan proses pengesahan penyata kewangan agensi negeri berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Agensi juga telah diluluskan pelanjutan tempoh oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit, daripada 30 April 2020 kepada 30 Jun 2020. Setakat 15 Ogos 2020, hanya dua (2) penyata kewangan agensi negeri yang telah disahkan manakala 18 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan. Sehubungan itu, analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam Laporan kali ini memandangkan analisis bagi dua (2) agensi sahaja tidak dapat memberi gambaran sebenar berkaitan kedudukan kewangan agensi negeri secara keseluruhannya.

8. RUMUSAN AUDIT

Kedudukan penyediaan dan penyerahan penyata kewangan adalah memuaskan. Hanya satu (1) daripada 20 penyata kewangan diserahkan melebihi tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri iaitu selepas 30 Jun 2020. Dua (2) daripada 20 penyata kewangan agensi negeri telah selesai diaudit dan dikeluarkan Sijil Audit Tanpa Teguran iaitu Majlis Sukan Pahang dan Majlis Daerah Cameron Highlands.

9. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri, Bahagian Kerajaan Tempatan dan Lembaga Pengarah akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan serta menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- 9.1. agensi negeri perlu memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengurus dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), perakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan, serta dokumen sokongan yang berkaitan; dan

- 9.2. agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diguna pakai masa kini.



BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENGENALAN

1.1. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) diperkenalkan pada tahun 2007 bagi menilai sama ada pengurusan kewangan kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan berkuat kuasa. Pengauditan ini adalah selaras dengan Seksyen 6, Akta Audit 1957. Penilaian terhadap pengurusan kewangan dibuat dengan menyemak elemen utama, indikator dan sub-indikator. Skor diberi kepada setiap indikator/sub indikator dan penarafan diberi terhadap tahap prestasi pengurusan kewangan kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri. Pada tahun 2017, pendekatan pengurusan kewangan telah ditambah baik kepada penilaian berasaskan risiko. Setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko iaitu risiko tinggi, risiko sederhana dan risiko rendah.

1.2. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap Jabatan dan Agensi Negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

1.3. Pada tahun 2019, sebanyak tiga (3) pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap dua (2) jabatan dan satu (1) agensi negeri adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2019

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Hasil Duti Hiburan	<ul style="list-style-type: none">• Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri Pahang• Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong
2.	Terimaan Hasil Secara Elektronik	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Perbandaran Kuantan

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4. Aspek terimaan dipilih kerana adanya risiko ketirisan dan kelemahan pengurusan kutipan yang boleh menjaskan hasil Kerajaan negeri.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

**PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG**

- HASIL DUTI HIBURAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG

1. HASIL DUTI HIBURAN

FAKTA UTAMA

63

Lesen premis hiburan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) tahun 2019

RM5.27 Juta

Kutipan hasil duti hiburan tahun 2019

Akta dan Warta Kerajaan

- Akta Duti Hiburan 1953 (Akta 103)
- Warta Kerajaan Negeri Pahang P.U.9 (Phg. P.U.9) mengenai Perintah Kadar Duti Hiburan 2019.

1. LATAR BELAKANG

1.1. Mengikut Bahagian 3 Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, hasil bagi duti hiburan adalah diserahkan kepada negeri. Akta Duti Hiburan 1953, Seksyen 2(1) mentafsirkan hiburan termasuklah apa-apa pameran, persembahan, keseronokan permainan atau sukan, atau apa-apa aktiviti yang boleh diisyiharkan sebagai hiburan oleh Menteri Kewangan.

1.2. Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang (PKPN Pahang) bertanggungjawab mengutip hasil duti hiburan bagi daerah Kuantan. Kutipan duti hiburan adalah berdasarkan kepada lesen dan permit hiburan yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Kuantan (MPK). Pengurusan hasil duti hiburan di PKPN Pahang tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan serta undang-undang yang berkaitan iaitu Akta Duti Hiburan 1953 (Akta 103) dan Warta Kerajaan Negeri Pahang P.U.9 (Phg. P.U.9) mengenai Perintah Kadar Duti Hiburan 2019. Antara duti hiburan yang dikenakan adalah tiket pawagam, tiket taman hiburan dan tiket pertunjukan pentas. Pada tahun 2019, kutipan hasil duti hiburan oleh PKPN Pahang adalah berjumlah RM5.27 juta.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi memastikan hasil duti hiburan diuruskan dengan teratur mengikut akta, perintah dan peraturan berkaitan duti hiburan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan terhadap kutipan hasil duti hiburan di Seksyen Belanjawan dan Hasil, PKPN Pahang bagi tahun 2019. Pemeriksaan Audit telah dijalankan terhadap 33 (75%) daripada 44 dokumen dan laporan berkaitan duti hiburan. Semakan juga dilakukan di MPK sebagai agensi yang meluluskan lesen dan permit hiburan di daerah Kuantan. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat turut diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut terhadap penemuan Audit.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan ini telah dijalankan pada 11 November hingga 27 Disember 2019. Pemerhatian Audit telah dikeluarkan kepada PKPN Pahang pada 29 Januari 2020 dan maklum balas telah diterima pada 24 Februari 2020. Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) telah diadakan pada 28 Februari 2020 antara Jabatan Audit Negara dan PKPN Pahang. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Duti Tiket Taman Hiburan Tidak Dikutip

Akta Duti Hiburan 1953, Seksyen 4(1) menyatakan duti hendaklah dicaj, dilevi dan dibayar kepada pemungut atas tiap-tiap bayaran bagi kemasukan ke mana-mana hiburan pada kadar yang ditetapkan Dewan Rakyat dari semasa ke semasa. Mesyuarat Dewan Rakyat yang diadakan pada 10 Mei 2001 telah meluluskan ketetapan bahawa mulai 1 Oktober 2001, duti hiburan dikenakan pada kadar 25% ke atas bayaran masuk mana-mana hiburan. Sehingga bulan November 2019, dua (2) lesen premis hiburan telah diluluskan oleh MPK kepada sebuah syarikat bagi menjalankan aktiviti taman tema air dan taman safari. Semakan Audit mendapati:

4.1.1. Taman Tema Air

- a. Taman tema air yang mula beroperasi pada 20 Julai 2009 telah diberi pengecualian bayaran duti hiburan oleh Kerajaan negeri selama enam (6) tahun

sehingga 19 Julai 2015. Mulai 20 Julai 2015, Kerajaan negeri telah mengenakan duti hiburan kepada syarikat pada kadar 5% ke atas jualan tiket masuk ke taman tema air berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang Ke-6/2020.

- b. Semakan Audit mendapati tiada kutipan duti hiburan terhadap jualan tiket taman tema air bagi tempoh 20 Julai 2015 hingga 30 November 2019. Syarikat telah mengemukakan penyata jualan tiket masuk taman tema air kepada PKPN Pahang bagi tempoh 20 Julai 2015 hingga 31 Mac 2018 berjumlah RM13.05 juta. Berdasarkan perkiraan Audit, **caj duti hiburan yang perlu dibayar bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM0.65 juta**, iaitu 5% daripada keuntungan kasar jualan tiket.
- c. **Penyata jualan tiket masuk taman tema air bagi tempoh bulan April 2018 hingga November 2019 pula masih belum dikemukakan oleh pengusaha kepada PKPN Pahang.** Oleh itu, bayaran duti hiburan bagi tempoh tersebut tidak dapat ditentukan.
- d. Sehingga tarikh pengauditan pada 13 Disember 2019, duti hiburan bagi kedua-dua tempoh tersebut masih belum dijelaskan.
- e. Pihak Audit mendapati **tiada tindakan susulan diambil untuk mengutip hasil duti hiburan selepas tamat tempoh pengecualian pada 19 Julai 2015 sehingga tahun 2017**. Bagaimanapun pada tahun 2018, PKPN Pahang telah mengambil tindakan susulan dengan mengeluarkan surat kepada syarikat bagi tujuan menuntut bayaran tunggakan duti hiburan serta permohonan untuk mendapatkan penyata jualan kutipan tiket masuk taman tema air. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
TINDAKAN SUSULAN PKPN PAHANG TERHADAP TUNGGAKAN DUTI HIBURAN

BIL.	TARIKH SURAT	PERKARA	CATATAN
1.	25 Mei 2018	Surat Peringatan Pertama: Memaklumkan tiada menerima sebarang pembayaran duti hiburan.	Tidak mendapat maklum balas daripada syarikat.
2.	30 Julai 2018	Permohonan mengemukakan salinan penyata jualan tiket masuk ke taman tema air dan taman safari bermula 20 Julai 2015 sehingga 30 Jun 2018.	Syarikat telah mengemukakan penyata jualan tiket masuk taman tema air bagi tempoh 20 Julai 2015 hingga 31 Mac 2018 melalui e-mel.
3.	11 Januari 2019	Permohonan mengemukakan salinan penyata jualan tiket masuk ke taman tema air bagi tempoh 1 April 2018 hingga 31 Disember 2018 dan penyata jualan tiket masuk ke taman safari bagi tempoh 20 Julai 2015 hingga 31 Disember 2018.	Tidak mendapat maklum balas daripada syarikat.

BIL.	TARIKH SURAT	PERKARA	CATATAN
4.	23 September 2019	<p>Surat Peringatan Terakhir:</p> <ul style="list-style-type: none"> Diberi tempoh 14 hari dari tarikh surat peringatan terakhir untuk menjelaskan tunggakan berjumlah RM0.65 juta. Perlu mengemukakan salinan penyata jualan tiket ke taman tema air bagi tempoh 1 April 2018 hingga 15 September 2019 dan penyata jualan tiket ke taman safari bagi tempoh 20 Julai 2015 hingga 15 September 2019. 	Tidak mendapat maklum balas daripada syarikat.

Sumber: Fail Taman Tema PKPN Pahang

- f. Berikutan tiada maklum balas yang diterima daripada syarikat terhadap surat peringatan yang dikeluarkan, PKPN Pahang telah merujuk kepada Pejabat Undang-Undang Negeri Pahang pada bulan Oktober 2019 bagi tujuan mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat.
- g. Perkara ini berlaku disebabkan mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan yang kurang berkesan terhadap duti hiburan. **Kesannya, PKPN Pahang gagal mengutip hasil daripada duti hiburan taman tema air sejumlah RM0.65 juta (bagi tempoh 20 Julai 2015 hingga 31 Mac 2018) dan juga hasil duti hiburan bagi tempoh bulan April 2018 hingga November 2019.**

4.1.2. Taman Safari

- a. Semakan Audit mendapati duti hiburan bagi taman safari tidak dikutip sejak mula beroperasi pada 1 Mac 2013 hingga tarikh pengauditan. **Nilai duti hiburan yang sepatutnya dikutip (25% daripada jualan tiket) tidak dapat ditentukan kerana syarikat tidak mengemukakan penyata jualan tiket sejak mula beroperasi.**
- b. Pihak Audit mendapati tiada tindakan susulan diambil untuk mengutip hasil duti hiburan tersebut sehingga bulan Jun 2018. PKPN Pahang hanya mengambil tindakan susulan dengan mengeluarkan surat peringatan kepada syarikat pada 30 Julai 2018, 11 Januari 2019 dan 23 September 2019 bagi tujuan mendapatkan penyata jualan tiket masuk untuk tuntutan bayaran tunggakan duti hiburan tersebut. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1** di atas.
- c. Perkara ini adalah disebabkan mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan yang kurang berkesan terhadap duti hiburan. Kesannya, PKPN Pahang gagal mengutip hasil daripada duti hiburan bagi taman safari bagi tempoh bulan Mac 2013 hingga November 2019.

Maklum Balas PKPN Pahang yang Diterima pada 24 Februari 2020

PKPN Pahang telah mengadakan perbincangan bersama syarikat dan Penasihat Undang-Undang Negeri pada 12 Disember 2019 dan bersetuju syarikat membuat bayaran duti hiburan taman tema air secara ansuran selama 15 bulan (RM39,165) dan perlu membuat bayaran *upfront* 10% (RM65,273) kepada PKPN Pahang pada bulan Disember 2019. PKPN Pahang telah mengeluarkan surat makluman kepada syarikat berserta jadual bayaran ansuran. Pihak syarikat telah membuat bayaran kesungguhan (10%) sebanyak RM65,273 pada 13 Januari 2020 dan ansuran pertama pada 5 Februari 2020 sebanyak RM39,165.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Ke-6/2020 pada 5 Februari 2020 telah bersetuju cadangan membatalkan kelulusan pengurangan duti hiburan sebanyak 20% yang telah diberikan kepada syarikat yang mengendalikan taman tema air mulai 20 Julai 2015 hingga 31 Disember 2019. Kadar duti hiburan sebanyak 25% dikenakan kepada syarikat bermula pada 1 Januari 2020.

Pernyataan Audit	Duti tiket taman hiburan yang tidak dikutip telah menyebabkan berlaku kehilangan hasil kepada PKPN Pahang. Setakat tarikh pgauditian, hasil yang tidak dikutip yang dapat ditentukan adalah sejumlah RM0.65 juta.
-------------------------	--

4.2. Duti Lesen Hiburan Tidak Dikutip Berjumlah RM80,940

4.2.1. Perintah Kadar Duti Hiburan 2019 (Phg. P.U.9) telah menetapkan kadar duti bagi lain-lain hiburan antaranya snuker, boling dan karaoke. Sehingga November 2019, MPK telah meluluskan sebanyak 56 lesen hiburan yang masih aktif beroperasi. Semakan Audit terhadap Laporan Urus Niaga Akaun Hasil SPEKS dan Laporan Kutipan Hasil bagi bulan Januari sehingga November 2019 mendapati tiada sebarang kutipan duti bagi lain-lain hiburan dikutip oleh PKPN Pahang daripada peleson yang telah diluluskan. Berdasarkan jumlah lesen diluluskan oleh MPK dan rekod bayaran duti hiburan bagi tahun 2020 yang telah dijelaskan oleh pengusaha kepada PKPN Pahang, jumlah duti hiburan yang patut dikutip mengikut pengiraan Audit bagi tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
JUMLAH DUTI HIBURAN YANG PATUT DIKUTIP
BAGI TAHUN 2019 MENGIKUT PENGIRAAN AUDIT

BIL.	JENIS HIBURAN	KADAR	JUMLAH LESEN YANG DILULUSKAN	DUTI TAHUN 2019 YANG PATUT DIKUTIP MENGIKUT KIRAAN AUDIT (RM)
1.	Kelab malam/lounge dan pub	RM100 sebulan	39	46,800*
2.	Disko Live Band	RM200 sebulan	1	2,400*
3.	Snuker	RM15 satu meja sebulan	3	2,160**
4.	Boling	RM15 satu lorong sebulan	3	9,540**
5.	Karaoke	RM100 sebulan	6	7,200*
6.	Karaoke Berbilik	RM10 satu bilik sebulan untuk 10 bilik pertama/kurang dan RM15 sebulan bagi setiap bilik berikutnya.	4	12,840**
JUMLAH			56	80,940

Sumber: Rekod (Phg. P.U.9) dan Senarai Premis Pusat Hiburan oleh MPK Setakat bulan November 2019

Nota: (*) – Berdasarkan jumlah lesen diluluskan MPK setakat bulan November 2019 x kadar x 12 bulan.

(**) – Pengiraan Audit berdasarkan kepada rekod bayaran duti hiburan bagi tahun 2020 yang telah dijelaskan oleh pengusaha kepada PKPN Pahang.

4.2.2. Perkara ini berlaku disebabkan **tiada kerjasama/kolaborasi antara PKPN Pahang dengan MPK yang mengeluarkan lesen hiburan menyebabkan PKPN Pahang gagal mengutip hasil daripada duti hiburan yang dianggarkan berjumlah RM80,940.**

Maklum Balas PKPN Pahang yang Diterima pada 24 Februari 2020

PKPN Pahang telah menghantar surat kepada premis hiburan pada 17 Disember 2019 supaya membuat bayaran duti hiburan sebelum lesen hiburan dikeluarkan oleh MPK. Kutipan duti hiburan secara menyeluruh dibuat setelah *Standard Operating Procedure* bagi pengenaan duti hiburan ke atas premis hiburan diselaraskan dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Surat kutipan bayaran telah dikeluarkan kepada pemilik premis kerana lesen premis hiburan akan tamat pada bulan Disember 2019. Kutipan bayaran duti hiburan bagi tahun 2020 telah dikutip pada bulan Disember 2019 hingga Februari 2020.

Pernyataan Audit	Duti lesen hiburan yang tidak dikutip telah menyebabkan berlaku kehilangan hasil sejumlah RM80,940 kepada PKPN Pahang.
-------------------------	---

4.3. Duti Permit Hiburan Tidak Dikutip Berjumlah RM19,600

4.3.1. Permit hiburan sementara dikeluarkan oleh MPK untuk sesuatu tempoh bagi permohonan seperti ekspo, pameran serta pertunjukan pentas yang berbentuk hiburan.

4.3.2. Semakan Audit terhadap Senarai Permit Hiburan yang diluluskan oleh MPK mendapati enam (6) permit hiburan telah dikeluarkan bagi tempoh bulan Januari hingga November 2019. Semakan terhadap Laporan Urus Niaga Akaun Hasil SPEKS dan Laporan Kutipan Hasil bulan Januari sehingga November 2019 mendapati tiada sebarang kutipan duti dipungut bagi semua permit hiburan tersebut. Mengikut pengiraan Audit, dianggarkan sejumlah RM19,600 duti hiburan tidak dikutip bagi tempoh tersebut berdasarkan rekod bayaran duti hiburan di PKPN Pahang dan Senarai Permit Hiburan di MPK setakat bulan November 2019 seperti dalam **Jadual 3.**

JADUAL 3
PERMIT HIBURAN YANG TELAH
DIKELUARKAN OLEH MPK TIDAK DIKENAKAN DUTI HIBURAN

BIL.	JENIS HIBURAN	NOMBOR RUJUKAN PERMIT	LOKASI HIBURAN	PERINTAH KADAR DUTI HIBURAN 2019 (PHG. P.U.9)	TEMPOH PERMIT	DUTI PATUT DIKUTIP MENGIKUT KIRAAN AUDIT (RM)
1.	Pesta Lampu	P201908936	Padang MPK 3	-Duti ke atas mesin hiburan RM10 satu tempat duduk; atau -RM100 sehari; atau -25% daripada harga tiket, mana yang lebih tinggi	09.08.2019 Hingga 01.09.2019	2,400
2.	Persembahan Artis Luar Negara	P201909897	Tiada Maklumat	25% daripada harga tiket atau RM150 sehari, mana yang lebih tinggi	30.08.2019 Hingga 15.10.2019	7,050
3.	Sarkas	P201909518	Tapak Kosong Serambi Teruntum	25% daripada harga tiket atau RM200 sehari, mana yang lebih tinggi	07.09.2019 Hingga 29.09.2019	4,600
4.	Konsert/Pentas	P201909690	Stadium Tertutup SUKPA, Bandar Indera Mahkota	25% daripada harga tiket atau RM150 sehari, mana yang lebih tinggi	28.09.2019	150
5.	<i>Inflatable Balloon/Giant Inflatable Ballon</i>	P201910027	Tiada Maklumat	-Duti ke atas mesin hiburan RM10 satu tempat duduk; atau -RM100 sehari; atau -25% daripada harga tiket, mana yang lebih tinggi	02.10.2019 Hingga 31.10.2019	3,000
6.	Persembahan Artis Luar Negara	P201910891	Tiada Maklumat	25% daripada harga tiket atau RM150 sehari, mana yang lebih tinggi	16.10.2019 Hingga 31.10.2019	2,400
JUMLAH						19,600

Sumber: Rekod Bayaran Duti Hiburan di PKPN Pahang dan Senarai Permit Hiburan di MPK setakat bulan November 2019

4.3.3. Perkara ini disebabkan PKPN Pahang tidak mewujudkan prosedur yang menetapkan pihak berkuasa tempatan untuk mengemukakan maklumat permit hiburan yang diluluskan bagi membolehkan PKPN Pahang mengutip duti hiburan daripada penganjur persesembahan. Kesannya, PKPN Pahang gagal mengutip sejumlah RM19,600 duti hiburan dalam tempoh tersebut.

Maklum Balas PKPN Pahang yang Diterima pada 24 Februari 2020

PKPN Pahang memaklumkan persesembahan artis luar negara yang dianjurkan oleh Hyatt Regency Kuantan Resort dan Touch Marvel serta acara *Inflatable Ballon/Giant Inflatable Ballon* oleh Mega Ballon tidak dimaklumkan oleh MPK kepada PKPN Pahang.

Pernyataan Audit	Duti permit hiburan yang tidak dikutip telah menyebabkan berlaku kehilangan hasil sejumlah RM19,600 kepada PKPN Pahang.
-------------------------	--

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kutipan hasil dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta dapat mengelakkan berlakunya ketirisan hasil Kerajaan, PKPN Pahang hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 5.1. bekerjasama dengan MPK selaku pihak yang mengeluarkan lesen dan permit hiburan bagi mendapatkan maklumat dari semasa ke semasa berkaitan lesen dan permit hiburan yang telah diluluskan. Ini bagi memastikan setiap pengusaha yang diluluskan lesen dan permit hiburan dikenakan duti hiburan, selain dapat digunakan bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan oleh PKPN Pahang; dan
- 5.2. mengambil tindakan untuk mendapatkan hasil duti hiburan yang tidak dikutip, yang keseluruhannya berjumlah RM0.75 juta.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH BENTONG

- HASIL DUTI HIBURAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH BENTONG

2. HASIL DUTI HIBURAN

FAKTA UTAMA

77

Jumlah permit sementara/lesen hiburan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Bentong (MPB) tahun 2019

RM28.94 Juta

Jumlah keseluruhan kutipan hasil tahun 2019

RM10.61 Juta

Kutipan hasil duti hiburan tahun 2019, 36.7% daripada keseluruhan kutipan hasil PDT Bentong

Akta dan Warta Kerajaan

- Akta Duti Hiburan 1953 (Akta 103)
- Warta Kerajaan Negeri Pahang P.U.9 (Phg. P.U.9) mengenai Perintah Kadar Duti Hiburan 2019

1. LATAR BELAKANG

1.1. Mengikut Bahagian 3 Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, hasil bagi duti hiburan adalah diserahkan kepada negeri. Akta Duti Hiburan 1953, Seksyen 2(1), mentafsirkan hiburan termasuklah apa-apa pameran, persembahan, keseronokan permainan atau sukan, atau apa-apa aktiviti yang boleh diisyiharkan sebagai hiburan oleh Menteri Kewangan.

1.2. Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong (PDT Bentong) bertanggungjawab mengutip hasil duti hiburan bagi daerah Bentong. Kutipan duti hiburan adalah berdasarkan kepada lesen dan permit hiburan yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Bentong (MPB). Pengurusan hasil di PDT Bentong tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan Pekeling Perbendaharaan serta undang-undang yang berkaitan, iaitu Akta Duti Hiburan 1953 (Akta 103) dan Warta Kerajaan Negeri Pahang P.U.9 (Phg. P.U.9) mengenai Perintah Kadar Duti Hiburan 2019. Duti hiburan yang dikenakan antaranya adalah tiket pawagam, tiket taman hiburan dan tiket pertunjukan pentas. Pada tahun 2019, kutipan hasil duti hiburan oleh PDT Bentong adalah sejumlah RM10.61 juta.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi memastikan hasil duti hiburan diuruskan dengan teratur mengikut akta, perintah dan peraturan berkaitan duti hiburan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan terhadap kutipan hasil duti hiburan di Unit Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Pengurusan Daerah, PDT Bentong bagi tahun 2019. Pemeriksaan Audit telah dijalankan terhadap dokumen dan laporan berkaitan duti hiburan. Semakan juga dilakukan dengan MPB sebagai agensi yang meluluskan lesen dan permit hiburan di daerah Bentong. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat turut diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut terhadap penemuan Audit.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan ini telah dijalankan mulai daripada 11 hingga 15 November 2019. Pemerhatian Audit telah dikeluarkan kepada PDT Bentong pada 20 Januari 2020 dan maklum balas telah diterima pada 6 Februari 2020. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 26 Februari 2020 antara Jabatan Audit Negara dan PDT Bentong. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Duti Hiburan Tidak Dikutip

4.1.1. Pertunjukan Pentas

- a. Berdasarkan kepada keputusan mesyuarat Dewan Rakyat pada 10 Mei 2001, duti hiburan hendaklah dikenakan pada kadar 25% mulai 1 Oktober 2001 ke atas setiap bayaran masuk ke mana-mana pusat hiburan. Bagaimanapun bermula 30 Jun 2006, Perintah Duti Hiburan (Pengecualian) (No. 24) 2006 telah mengecualikan duti hiburan sebanyak 20% terhadap aktiviti kesenian tempatan dan luar negara yang tidak diperakui oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan.
- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 15 permit sementara hiburan dan satu (1) lesen hiburan bagi pertunjukan pentas telah diluluskan oleh MPB bagi tempoh bulan Januari hingga Oktober 2019. Pihak Audit telah menjalankan semak silang antara senarai permit sementara hiburan dan lesen hiburan yang telah diluluskan oleh MPB dengan rekod bayaran duti tiket pertunjukan pentas yang diselenggarakan oleh PDT Bentong. **Berdasarkan semak silang, tiada bukti menunjukkan duti hiburan dibayar oleh penganjur kepada PDT Bentong bagi kesemua permit dan lesen yang telah diluluskan tersebut.** Pihak Audit tidak dapat menganggarkan jumlah hasil

yang tidak dikutip kerana penyata jualan tiket tidak dikemukakan oleh pengajur.

4.1.2. Hiburan-Hiburan Lain

- a. Berdasarkan Perintah Kadar Duti Hiburan 2019 (Phg. P.U.9) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, kadar duti bagi empat (4) jenis perniagaan, iaitu snuker/pool/billiard, boling, karaoke/KTV/lounge/ kafe dan kafe internet adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KADAR DUTI HIBURAN

BIL.	JENIS HIBURAN	KADAR
1.	Snuker/pool/billiard	RM15 satu meja sebulan
2.	Boling	RM15 satu lorong sebulan
3.	Karaoke/KTV/lounge/ kafe	<ul style="list-style-type: none">• RM100 sebulan• Karaoke berbilik<ul style="list-style-type: none">– RM10 satu bilik sebulan untuk 10 bilik pertama/kurang– RM15 sebulan bagi setiap bilik berikutnya
4.	Kafe internet	RM5 sebuah komputer sebulan

Sumber: Perintah Kadar Duti Hiburan 2019 (Phg. P.U.9)

- b. Sehingga bulan September 2019, sebanyak 61 pemegang lesen hiburan bagi perniagaan snuker/pool/billiard, boling, karaoke/KTV/lounge/ kafe dan kafe internet telah diluluskan oleh MPB. **Semak silang antara senarai pemegang lesen hiburan tersebut dengan Laporan Bayaran Hasil Duti Tidak Langsung mendapati tiada sebarang bayaran duti hiburan dibuat oleh pelesen kepada PDT Bentong bagi kesemua lesen yang telah diluluskan tersebut.** Pihak Audit tidak dapat menganggarkan jumlah hasil yang tidak dikutip kerana tiada maklumat terperinci bagi setiap lesen yang diluluskan seperti bilangan meja (snuker/pool/billiard), bilangan lorong (boling) dan bilik karaoke di premis terlibat.

- 4.1.3. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan oleh tiada penyelarasan maklumat antara MPB selaku pihak yang meluluskan permit dan lesen hiburan, dan PDT Bentong selaku pihak yang mengutip duti hiburan. Perkara ini menyebabkan PDT Bentong tidak dapat menyediakan daftar senarai permit dan lesen hiburan untuk tujuan pemantauan kutipan hasil.

Maklum Balas PDT Bentong yang Diterima pada 6 Februari 2020

Penyelarasian maklumat pengeluaran lesen akan dilaksanakan pada setiap suku tahun serta proses kerja secara terperinci dan peraturan berkaitan pengurusan duti tiket taman hiburan akan disediakan.

Pernyataan Audit | Duti hiburan yang tidak dikutip telah menyebabkan berlaku kehilangan hasil kepada PDT Bentong.

4.2. Duti Hiburan Lewat Dibayar Berjumlah RM1 Juta

4.2.1. Berdasarkan Seksyen 4, Akta Duti Hiburan 1953, duti hendaklah dibayar kepada pemungut atas tiap-tiap bayaran bagi kemasukan ke mana-mana hiburan mengikut kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

4.2.2. Semakan Audit mendapati tempoh bayaran duti tiket pawagam dan pertunjukan pentas berjumlah RM1 juta lewat dibayar berbanding tarikh tayangan dan pertunjukan diadakan. Tempoh kelewatan bagi bayaran duti tiket pawagam dan pertunjukan pentas adalah antara 31 hingga 471 hari. Butiran mengenai tempoh tayangan serta bayaran duti tiket pawagam dan pertunjukan pentas adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2
TEMPOH TAYANGAN/PERTUNJUKAN SERTA
BAYARAN DUTI TIKET PAWAGAM DAN PERTUNJUKAN PENTAS**

BIL.	TEMPOH TAYANGAN/ PERTUNJUKAN	TARIKH BAYARAN	TEMPOH BAYARAN (Hari)	JUMLAH (RM)
DUTI TIKET PAWAGAM				
1.	01.02.2018 hingga 01.03.2018	29.01.2019	334	148,922
2.	01.03.2018 hingga 01.04.2018	10.05.2019	404	134,534
3.	01.04.2018 hingga 01.05.2018	15.08.2019	471	115,068
4.	01.05.2018 hingga 01.06.2018	15.08.2019	440	86,714
5.	01.06.2018 hingga 01.07.2018	15.08.2019	410	156,940
6.	01.07.2018 hingga 01.08.2018	15.08.2019	379	108,103
7.	01.08.2018 hingga 01.09.2018	15.08.2019	348	140,267
DUTI PERTUNJUKAN PENTAS				
1.	01.12.2018 hingga 31.12.2018	10.01.2019 hingga 26.02.2019	31 hingga 57	112,458
JUMLAH				1,003,006

Sumber: Laporan Duti Hiburan, Penyata Pemungut dan Resit

4.2.3. Perkara ini berlaku disebabkan oleh ketiadaan arahan/ketetapan dikeluarkan oleh PDT Bentong kepada penganjur berkenaan tempoh bayaran duti hiburan yang perlu dijelaskan serta penghantaran laporan bulanan menyebabkan laporan tunggakan tidak disediakan. Kesannya, Akaun Belum Terima dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri terkurang nyata bagi tahun 2018.

Maklum Balas PDT Bentong yang Diterima pada 6 Februari 2020

PDT Bentong memaklumkan proses kerja secara terperinci dan peraturan berkaitan pengurusan duti tiket pawagam dan pertunjukan pentas akan disediakan.

Pernyataan Audit	Kegagalan pegawai bertanggungjawab untuk memantau duti hiburan yang dikutip telah menyebabkan duti hiburan lewat diterima antara 31 hingga 471 hari.
-------------------------	---

4.3. Duti Hiburan Terkurang Bayar Sejumlah RM368,607

4.3.1. Taman Hiburan

- a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang Ke-17/2014 telah meluluskan kadar duti tiket taman hiburan sebanyak 10% ke atas jualan tiket masuk ke taman tema.
- b. Pada tahun 2019, sejumlah RM7.24 juta duti tiket taman hiburan telah dibayar oleh dua (2) syarikat pengusaha. Semakan Audit mendapati amaun yang dibayar adalah pada kadar 9.7% daripada jumlah kutipan tiket berbanding kadar 10% yang ditetapkan. Ini menunjukkan **hasil terkurang kutip sejumlah RM187,301**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
DUTI TIKET TAMAN HIBURAN TERKURANG BAYAR PADA TAHUN 2019

BIL.	NO. SYARIKAT	JENIS HIBURAN	TIKET		JUMLAH		TERKURANG BAYAR (RM) (b)-(c)
			TEMPOH KUTIPAN	JUMLAH KUTIPAN (RM) (a)	SEPATUTNYA DIBAYAR MENGIKUT PENGIRAAN AUDIT (RM) (b)=(a)x10/110	DIBAYAR (RM) (c)	
1.	58019-U	Video Simulation Machine	01.11.2018 hingga 31.08.2019	26,194,469	2,381,315	2,308,945	72,370
2.	58019-U	Skytropolis Indoor Theme Park	01.11.2018 hingga 31.08.2019	45,941,253	4,176,478	4,074,445	102,033
3.	105331-P	Snow World	01.11.2018 hingga 31.08.2019	9,578,118	870,738	857,840	12,898
JUMLAH				81,713,840	7,428,531	7,241,230	187,301

Sumber: Surat *Remittance Advice* daripada Syarikat Pengusaha

4.3.2. Pertunjukan Pentas

- Berdasarkan kepada keputusan mesyuarat Dewan Rakyat pada 10 Mei 2001, kadar duti hiburan hendaklah dikenakan pada kadar 25% mulai 1 Oktober 2001 ke atas setiap bayaran masuk ke mana-mana pusat hiburan. Bagaimanapun bermula 30 Jun 2006, Perintah Duti Hiburan (Pengecualian) (No.24) 2006 pula mengecualikan duti hiburan sebanyak 20% terhadap aktiviti kesenian tempatan dan luar negara yang tidak diperakui oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Ini bermaksud kadar duti pertunjukan pentas bagi aktiviti kesenian tempatan dan luar negara adalah 5%.
- Semakan Audit mendapati amaun duti tiket pertunjukan pentas yang dibayar oleh penganjur adalah berjumlah RM0.96 juta, iaitu pada kadar 4.9% daripada jualan kasar tiket. Berdasarkan pengiraan Audit, jumlah duti hiburan yang sepatutnya dibayar pada kadar 5% adalah berjumlah RM1.14 juta. Ini menunjukkan **hasil terkurang kutip sebanyak RM181,306**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
DUTI HIBURAN BAGI PERTUNJUKAN PENTAS TERKURANG BAYAR

JUALAN KASAR TIKET (RM)			SEPATUTNYA DIBAYAR MENGIKUT PENGIRAAN AUDIT (RM)			JUMLAH DIBAYAR (RM)			TERKURANG BAYAR (RM) (c) - (d)
(a)	(b)	JUMLAH	(a)x5/105	(b)x5/111*	JUMLAH (c)	(a)x5/125	(b)x5/131*	JUMLAH (d)	
22,405,263	1,541,313	23,946,576	1,066,917	69,429	1,136,346	896,211	58,829	955,040	181,306

Sumber: Surat Bayaran Duti Hiburan daripada Penganjur

Nota: (a) - Tanpa Duti Jualan dan Perkhidmatan

(b) - Duti Jualan dan Perkhidmatan

(*) - 6% Duti Jualan dan Perkhidmatan

4.3.3. Perkara ini berlaku kerana tiada semakan terhadap kadar yang sepatutnya dikutip dan tiada tindakan susulan dibuat oleh PDT Bentong terhadap laporan yang dihantar. **Kesannya, hasil duti tiket taman hiburan dan pertunjukan pentas terkurang kutip yang keseluruhannya berjumlah RM368,607.**

Maklum Balas PDT Bentong yang diterima pada 6 Februari 2020

Bagi pertunjukan pentas, pihak PDT Bentong hanya mengenakan duti hiburan sebanyak 5% daripada jumlah jualan tiket berdasarkan pengecualian yang ditetapkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 30 Jun 2006.

Pernyataan Audit	Kegagalan pegawai bertanggungjawab untuk memastikan duti hiburan dikutip mengikut kadar yang diluluskan dan berdasarkan jumlah jualan tiket sebenar telah menyebabkan berlaku kehilangan hasil sejumlah RM368,607 kepada PDT Bentong.
-------------------------	--

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kutipan hasil dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta dapat mengelakkan berlakunya ketirisan hasil Kerajaan, PDT Bentong hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 5.1. bekerjasama dengan MPB selaku pihak yang mengeluarkan lesen dan permit hiburan bagi mendapatkan maklumat dari semasa ke semasa berkaitan lesen dan permit hiburan yang telah diluluskan. Ini bagi memastikan setiap pengusaha yang diluluskan lesen dan permit hiburan dikenakan duti hiburan, selain dapat digunakan bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan oleh PDT Bentong; dan
- 5.2. mengambil tindakan untuk mendapatkan hasil duti hiburan yang tidak dikutip dan terkurang kutip.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

- TERIMAAN HASIL SECARA ELEKTRONIK

MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN

3. TERIMAAN HASIL SECARA ELEKTRONIK

FAKTA UTAMA

9 Bank & Pos Malaysia Berhad Ejen bagi terimaan secara elektronik	RM168 Juta Jumlah keseluruhan kutipan hasil oleh MPK bagi tahun 2019	RM118.60 Juta Kutipan hasil melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih serta Terminal <i>Point-of-Sale</i> tahun 2019
Jenis Kutipan	Cukai Taksiran Am, Permit Struktur, Lesen, Permit, Yuran Kursus, Terimaan Papan Iklan, Jualan Borang Tender/Sebut Harga, Sewaan, Faedah Pinjaman, Sumbangan Agensi/Badan Berkanun/Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri, Geran, Terimaan Projek dan Bayaran Balik Pinjaman.	
Mod Pembayaran	EFT (<i>Customer to Goverment, Business to Goverment</i>), JomPay, Kad Kredit, Kad Debit dan Kad Caj Amex	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Terimaan hasil secara elektronik Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) terbahagi kepada dua (2) jenis, iaitu melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih; dan Terminal *Point-of-Sale*. Bagi Terimaan Secara Elektronik melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih, MPK telah melantik tujuh (7) bank dan Pos Malaysia Berhad sebagai ejen untuk membuat kutipan. Bagi Terimaan Secara Elektronik melalui Terminal *Point-of-Sale* pula, MPK menggunakan perkhidmatan dua (2) bank bagi urusan tersebut.

1.2. Bagi tahun 2019, jumlah kutipan hasil melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih serta Terminal *Point-of-Sale* adalah masing-masing sejumlah RM11.10 juta dan RM107.50 juta.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi memastikan terimaan hasil secara elektronik dikendalikan dengan teratur mengikut pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Pengauditan dilaksanakan terhadap terimaan hasil melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih serta Terminal *Point-of-Sale* bagi tahun 2019. Pengauditan telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan, MPK. Pemeriksaan telah dijalankan terhadap semua transaksi terimaan hasil melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih serta Terminal *Point-of-Sale* bagi bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos 2019 di Bank Rakyat dan Maybank. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat turut diadakan bagi mengesahkan penemuan Audit.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan ini telah dijalankan mulai daripada 4 hingga 26 November 2019. Pemerhatian Audit telah dikeluarkan pada 15 Januari 2020 dan maklum balas telah diterima pada 26 Januari 2020. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 19 Februari 2020 antara Jabatan Audit Negara, MPK dan wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Kerajaan Tempatan). Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Caj Perkhidmatan Bank Terlebih Bayar Sejumlah RM23,395

4.1.1. Pekeliling Perbendaharaan PS 2.1, Terimaan Hasil Kerajaan Secara Elektronik di Terminal *Point-of-Sale* dan PS 2.3, Terimaan Kerajaan Secara Elektronik Melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih telah dikeluarkan bagi meminda kadar caj perkhidmatan yang boleh dikenakan oleh pihak bank untuk setiap mod pembayaran mulai 13 Ogos 2018. Selain daripada kadar caj perkhidmatan tersebut, tiada caj lain boleh dikenakan oleh bank. Kadar caj yang ditetapkan dalam Pekeliling tersebut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KADAR CAJ PERKHIDMATAN

BIL	MOD PEMBAYARAN	KADAR CAJ PERKHIDMATAN
TERIMAAN SECARA ELEKTRONIK MELALUI PERBANKAN INTERNET DAN PERBANKAN MUDAH ALIH		
1.	EFT: <i>Customer to Goverment Business to Goverment</i>	Tidak melebihi RM0.50 bagi setiap transaksi Tidak melebihi RM1.00 bagi setiap transaksi
2.	JomPay	Tidak melebihi RM0.40 bagi setiap transaksi
3.	Kad kredit	Tidak melebihi 1.0% atas nilai transaksi
4.	Kad caj Amex	Tidak melebihi 1.0% atas nilai transaksi
TERIMAAN SECARA ELEKTRONIK DI TERMINAL <i>POINT-OF-SALE</i>		
1.	Kad debit	Tidak melebihi 0.5% atas nilai transaksi
2.	Kad kredit	Tidak melebihi 0.9% atas nilai transaksi
3.	Kad caj Amex	Tidak melebihi 0.9% atas nilai transaksi

Sumber: Pekeliling Perbendaharaan PS 2.1 dan PS 2.3

4.1.2. Semakan Audit terhadap kadar caj perkhidmatan oleh bank bagi Terimaan Secara Elektronik Melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih mendapati kadar yang dikenakan oleh Bank Rakyat bagi pembayaran secara JomPay ialah RM0.50 setiap transaksi. Kadar tersebut lebih RM0.10 berbanding kadar yang ditetapkan iaitu RM0.40. Kadar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh Maybank pula bagi pembayaran secara kad kredit adalah antara 1.8% hingga 1.95% atas nilai transaksi, iaitu lebih 0.8% hingga 0.95% berbanding kadar yang ditetapkan.

4.1.3. Semakan Audit terhadap kadar caj perkhidmatan oleh bank bagi Terimaan Secara Elektronik di Terminal *Point-of-Sale* pula mendapati kadar yang dikenakan oleh Maybank bagi pembayaran secara kad debit ialah 0.55% atas nilai transaksi iaitu lebih 0.05% berbanding kadar yang ditetapkan. Kadar caj perkhidmatan bagi pembayaran secara kad kredit pula ialah 1.1% atas nilai transaksi iaitu lebih 0.2% berbanding kadar yang ditetapkan.

4.1.4. Kadar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak bank tersebut adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam pekeliling terdahulu. Butiran caj perkhidmatan oleh bank adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
CAJ PERKHIDMATAN BANK TERLEBIH BAYAR OLEH MPK

BANK/MOD PEMBAYARAN	BULAN	TRANSAKSI		CAJ PERKHIDMATAN SEPATUTNYA		CAJ PERKHIDMATAN DIKENAKAN		TERLEBIH CAJ (RM) (c)=(b)-(a)
		BILANGAN	AMAUN (RM)	KADAR	AMAUN (RM) (a)	KADAR	AMAUN (RM) (b)	
CAJ PERKHIDMATAN BAGI PERBANKAN INTERNET DAN PERBANKAN MUDAH ALIH								
Bank Rakyat/ JomPay	Januari	117		RM0.40	46.80	RM0.50	58.50	11.70
	Februari	1,627			650.80		813.50	162.70
	Julai	445			178.00		222.50	44.50
	Ogos	1,707			682.80		853.50	170.70
JUMLAH		3,896			1,558.40		1,948.00	389.60
Maybank/Kad Kredit	Januari		19,122.10	1%	191.22	1.8 – 1.95%	344.20	152.98
	Februari		248,963.45		2,489.63		4,538.47	2,048.84
	Julai		38,319.05		383.19		689.74	306.55
	Ogos		183,982.04		1,839.82		3,346.55	1,506.73
JUMLAH			490,386.64		4,903.86		8,918.96	4,015.10
CAJ PERKHIDMATAN BAGI TERMINAL POINT-OF-SALE								
Maybank/Kad Debit	Januari		188,012.00	0.5%	940.06	0.55%	1,034.08	94.02
	Februari		189,684.73		948.42		1,043.27	94.85
	Julai		132,589.04		662.95		729.25	66.30
	Ogos		189,835.72		949.18		1,044.11	94.93
JUMLAH			700,121.49		3,500.61		3,850.71	350.10
Maybank/Kad Kredit	Januari		1,349,504.23	0.9%	12,145.54	1.1%	14,844.56	2,699.02
	Februari		4,362,887.53		39,265.99		47,991.73	8,725.74
	Julai		565,582.84		5,090.25		6,221.41	1,131.16
	Ogos		3,041,919.86		27,377.28		33,461.11	6,083.83
JUMLAH			9,319,894.46		83,879.06		102,518.81	18,639.75
JUMLAH KESELURUHAN		3,896	10,510,402.59		93,841.93		117,236.48	23,394.55

Sumber: Penyata Bank Rakyat dan Maybank serta Senarai Terimaan Secara Eklektronik MPK

4.1.5. Perkara ini disebabkan pihak MPK tidak mengemaskini kadar caj perkhidmatan terimaan melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih; dan Terimaan Secara Elektronik di Terminal *Point-of-Sale* mengikut pekeliling perbendaharaan yang berkuat kuasa. **Perbezaan kadar ini telah menyebabkan MPK terlebih membayar caj perkhidmatan sejumlah RM23,395 bagi tempoh tersebut.**

Maklum Balas MPK yang Diterima pada 26 Januari 2020

Pihak MPK telah mengambil tindakan dengan mengemukakan surat pemakluman kepada pihak Maybank bertarikh 17 Februari 2020 untuk kelulusan kadar baharu caj perkhidmatan Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih. Pihak Bank Rakyat telah mengemukakan persetujuan kadar caj perkhidmatan baharu pada

4 Februari 2020. Bagi Terimaan Secara Elektronik di Terminal *Point-of-Sales*, perjanjian baharu antara MPK dengan Maybank telah dimeterai pada 19 Februari 2020.

Pernyataan Audit | **Caj perkhidmatan yang dibayar kepada pihak bank tidak mengikut kadar yang ditetapkan telah menyebabkan berlaku lebihan pembayaran oleh MPK sebanyak RM23,395.**

5. SYOR AUDIT

Pihak MPK hendaklah memaklumkan kepada pihak bank dari semasa ke semasa berkenaan perubahan kadar caj perkhidmatan bagi terimaan hasil secara elektronik berdasarkan pekeliling terkini yang berkuat kuasa.



BAHAGIAN V

**PEMBENTANGAN LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
DAN MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG AWAM NEGERI**

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2018 Siri 1, Siri 2 dan Siri 3 telah dibentangkan dalam Dewan Negeri Pahang masing-masing pada 19 Ogos 2019, 20 April 2020 dan 24 Ogos 2020. Bagi Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Pahang Tahun 2018 pula telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang pada 22 November 2019.

2. MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

2.1. Bagi tempoh 1 Oktober 2019 hingga 31 Ogos 2020, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang (Jawatankuasa) telah membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2018 bagi Siri 1. Ketua jabatan negeri yang terlibat telah dipanggil memberi penjelasan kepada pihak Jawatankuasa. Jawatankuasa semasa Mesyuarat Siasatan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1 yang diadakan pada 31 Oktober 2019 telah membincangkan satu (1) kajian, iaitu Pengurusan Program Pemerkasaan Industri Ruminan dan Program Pembangunan Pusat Genetik Ternakan yang melibatkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang.

2.2. Jawatankuasa juga perlu memastikan ketua jabatan/agensi negeri mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap syor yang telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam.



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun 2019 adalah baik. Penyerahan penyata kewangan agensi negeri juga baik kerana telah dapat dikemukakan dalam tempoh yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 berada di tahap stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM331.69 juta masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan negeri. Prestasi kewangan jabatan/agensi negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.
- b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- c. Setiap kementerian/jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan pemantauan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.
- e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

Putrajaya
8 Oktober 2020



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 12 hingga 32.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Pahang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Pahang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

